

ANALISIS UNSUR INTRINSIK DALAM NOVEL DI
SEBALIK DINARA KARYA DAYANG NOOR

NUR ARFADINA BINTI SUKRI

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ANALISIS UNSUR INTRINSIK DALAM NOVEL DI SEBALIK
DINARA KARYA DAYANG NOOR

NUR ARFADINA BINTI SUKRI
C19A0480

Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FEBRUARI 2023

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- | | | |
|-------------------------------------|---------|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| <input type="checkbox"/> | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
Dari tarikh _____ sehingga _____ |
| <input type="checkbox"/> | SULIT | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) |
| <input type="checkbox"/> | TERHAD | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: Nur Arfadina binti Sukri
No. Kad Pengenalan: 990514018706
Tarikh: 19 Februari 2023



Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia: Sudirman bin Kiffli
Tarikh: 19 Februari 2023

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran ilahi atas limpahan rahmat dan kurniaanNya yang tidak terhingga kepada saya untuk menyempurnakan tugas Projek Penyelidikan dengan jayanya.

Dengan kesempatan yang ada ini, saya Nur Arfadina binti Sukri ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Encik Sudirman bin Kiffli kerana telah mendidik dan membantu saya sepanjang melaksanakan kajian ini. Beliau juga telah banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat, dorongan, teguran dan pelbagai tips yang berguna bagi melengkapkan kajian ini. Insyallah, tugas Projek Penyelidikan ini akan memberikan banyak kebaikan kepada diri saya dari segi pengetahuan dan pengalaman semasa membuat kajian dan di masa hadapan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kepada kedua-dua ibu dan bapa saya yang turut membantu untuk menyiapkan Projek Penyelidikan ini. Tanpa sokongan dan dorongan daripada mereka tidak mungkin saya dapat menyiapkan kajian ini dengan sempurna. Tidak lupa juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan seperjuangan saya kerana telah banyak membantu berkongsi maklumat dan menyumbangkan pendapat atau idea yang berkaitan dengan penyelidikan ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih ini ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan projek penyelidikan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang dihulurkan amatlah dihargai kerana tanpa bantuan dan sokongan pihak terbabit semua tugas ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi kalian.

Nur Arfadina binti Sukri

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

19 Februari 2023

Arfadina.c19a0480@siswa.umk.edu.my



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan Kajian	4
1.2 Objektif Kajian	6
1.3 Skop Dan Batasan Kajian	7
1.4 Kepentingan Kajian	8
1.5 Kerangka Teori	9
1.6 Organisasi Kajian	10
1.7 Penutup	12
BAB 2: Tinjauan Kajian Lepas	13
2.0 Pengenalan	13
2.1 Kajian Lepas Unsur Intrinsik	13
2.2 Kajian Lepas Novel	19
2.3 Kajian Lepas Teori Strukturalisme	25
2.4 Penutup	31
BAB 3: DEFINISI TEORI ATAU PENDEKATAN	32
3.0 Pengenalan	32

3.1 Metodologi Kajian	32
3.2 Kaedah Kajian	33
3.2.1 Kaedah Kepustakaan	34
3.2.2 Analisis Teks	34
3.2.3 Sumber Internet	35
3.2.4 Teori Strukturalisme	36
3.3 Penutup	37
BAB 4: DAPATAN KAJIAN	38
4.0 Pengenalan	38
4.1 Unsur-unsur Intrinsik Dalam Novel Di Sebalik Dinara Dengan Mengaplikasikan Teori Strukturalisme	39
4.1.1 Tema	39
4.1.2 Plot	48
4.1.3 Watak dan Perwatakan	57
4.1.4 Latar	66
4.1.5 Gaya Bahasa	76
4.1.6 Sudut Pandang	81
4.1.7 Amanat	87
4.2 Penutup	91
BAB 5: KESIMPULAN	92
5.0 Pengenalan	92
5.1 Rumusan	92
5.2 Cadangan	94
5.3 Penutup	97
RUJUKAN	98

SENARAI RAJAH

RAJAH 1 Unsur-unsur Intrinsik	9
RAJAH 2 Piramid Freytag	49
RAJAH 3 Lapisan Sudut Pandang	82



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ANALISIS UNSUR-UNSUR INTRINSIK DALAM NOVEL DI SEBALIK DINARA

KARYA DAYANG NOOR

ABSTRAK

Novel merupakan salah sebuah karya sastera yang dihasilkan dengan menerapkan unsur-unsur intrinsik untuk membentuk satu rangka atau struktur sesebuah cerita di dalam karya. Berdasarkan analisis pengkaji terdapat beberapa unsur-unsur intrinsik yang perlu diambil kira dalam penghasilan sesebuah karya sastera seperti novel kerana ia akan mempengaruhi cerita yang ingin disampaikan oleh pembaca. Tujuan kajian ini dijalankan untuk melihat unsur-unsur intrinsik yang sering diketengahkan oleh pengarang atau pengkarya dalam penghasilan sesebuah karya sastera. Hal ini adalah kerana terdapat segelintir pengarang yang masih tidak lagi mengetahui dengan lebih mendalam untuk mengaplikasikan unsur-unsur intrinsik dalam kepengarangan yang hendak dihasilkan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti unsur-unsur intrinsik yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara* serta menganalisis unsur-unsur intrinsik dalam novel *Di Sebalik Dinara* dengan mengaplikasikan teori Strukturalisme yang diperkenalkan oleh Claude Lei-Strauss. Seterusnya, kajian ini membataskan kepada satu teks novel sahaja iaitu novel *Di Sebalik Dinara* serta unsur-unsur intrinsik yang merangkumi tema, plot, watak danperwatakan, latar, gaya bahasa, sudut pandang dan amanat. Tambahan pula kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis segala maklumat yang diperolehi. Bagi mengukuhkan kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan teori Strukturalisme yang menitikberatkan beberapa perkara dalaman yang membentuk rangka atau struktur sesebuah teks. Dapatan kajian yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara* sememangnya memberi kesan yang memberangsangkan untuk pengkaji menunjukkan kepentingan adanya unsur-unsur intrinsik dalam penghasilan sesebuah karya novel.

Kata kunci: novel, unsur-unsur intrinsik, strukturalisme, deduktif

ANALYSIS OF THE INTRINSIC ELEMENTS IN THE NOVEL DI SEBALIK

DINARA BY DAYANG NOOR

ABSTRACT

Novel is one of the literary works produced by applying intrinsic elements to form a frame or structure of a story in the work. Based on the researcher's analysis, there are several intrinsic elements that need to be taken into account in the production of a literary work such as a novel because it will affect the story that the reader wants to convey. The purpose of this study is to see the intrinsic elements that are often highlighted by authors or artists in the production of a literary work. This is because there are a few authors who still do not know in depth in applying the intrinsic elements in the authorship to be produced. The objective of this study is to identify the intrinsic elements found in the novel Di Sebalik Dinara. The analysis apply the theory of structuralism introduced by Claude Levi-Strauss. This study is limited to one novel text only, which is the novel Di Sebalik Dinara and intrinsic elements that include theme, plot, character, setting, language style, point of view and mandate. In addition, this study was conducted using qualitative methods to analyze all the information obtained. In order to strengthen this study, the researcher has applied the theory of Structuralism which focuses on some internal matters that focuses on the the framework or structure of a text. The findings of this research indeed have an encouraging effect for the researcher showing the importance of intrinsic elements in the production of a novel.

Keywords: novel, intrinsic elements, structuralism, deductiv

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Ungkapan “sastera” adalah daripada bahasa Sanskrit iaitu “castra” yang telah menunjukkan istilah kitab suci. Apabila menyebut sahaja tentang sastera sudah pasti ianya sering dikaitkan dengan puisi dan prosa seperti syair, pantun, sajak, novel, drama dan sebagainya. Namun begitu, apabila sebut tentang sastera ianya tidaklah hanya sekadar puisi dan prosa sahaja bahkan boleh memberikan maksud yang lebih meluas lagi dan realistik. Selain itu, menurut Hashim Awang (1987:12), “susastera” pula telah memberikan istilah yang khusus iaitu “su” bermaksud baik, indah dan berfaedah manakala “sastera” memberi istilah kepada huruf atau buku. Sastera juga merupakan salah satu kursus seni yang kreatif dan bahasa sebagai medium pengantarnya. Sastera ini pada mulanya terhasil dari perbuatan secara lisan dan ianya telah berkembang luas dari semasa ke semasa. Ianya telah dipersetujui oleh W.S Jahnsen dan M.K Danziger (1983:2) yang telah mentafsirkan sastera adalah seni melalui perbuatan dengan bercakap atau berkomunikasi dengan kata-kata secara lisan atau dengan bertulis.

Seterusnya, sastera melibatkan satu seni karang-mengarang yang dihasilkan oleh seseorang yang arif dalam bidang kesusasteraan. Seseorang yang pakar dalam bidang mengarang ini akan menggunakan segala kemampuan yang ada pada dirinya. Mereka berjaya menghasilkan sesuatu karya yang bagus sehingga membawa kepada gelaran pengarang iaitu orang

yang menghasilkan karya. Pengarang akan pakar dalam membuat perbandingan terhadap kajian-kajian lepas dan isi kandungan yang terdapat dalam kajian berkenaan dengan sastera dari pelbagai bangsa dan negara dan ianya bertujuan untuk memberikan satu keseronokan dan hiburan. Misalnya, melalui sesebuah karya sastera yang disampaikan dengan bertemakan kekeluargaan sama ada dalam bentuk tulisan mahupun secara lisan dipercayai mampu memberikan keseronokan dan hiburan kepada khalayak yang membaca. Sastera ini sebenarnya merangkumi satu aspek yang begitu luas iaitu merujuk kepada realiti kehidupan, penulisan serta pendidikan.

Di samping itu, kesusasteraan ini bermaksud kumpulan buku-buku yang merangkumi isi kandungannya menggunakan sesuatu bahasa atau daya pengucapan yang baik dan indah isinya. Kesusasteraan menurut Muhammad Hj Salleh (1995: 243) adalah sebuah karya yang disampaikan secara lisan dan juga tulisan. Karya-karya tersebut mempunyai ciri-ciri cereka dan cara penyampaianya melalui bahasa dan berbagai-bagai perkataan. Bahasa yang digunakan dalam sesebuah karya itu sendiri telah menggambarkan atau telah menjadi satu petunjuk bahawa pengarang mempunyai daya pemikiran yang cerdas, kemampuan dalam berfikir dan cara untuk menghargai sesuatu bahasa, teks dan warisan. Terdapat nilai-nilai estetik yang terdapat dalam isi dan daya pengucapannya dalam sesuatu karya sastera. Lahirnya keunikan yang tersendiri melalui daya imaginasi yang telah dicetuskan oleh minda pengkarya dan telah diterapkan dalam minda khalayak lalu bertindak sebagai pemikir kepada hasil karya yang dihasilkan itu.

Oleh itu, dalam kesusasteraan, novel merupakan salah satu karya atau buku-buku yang lebih diminati dalam kalangan pembaca. Menurut Shahnnon

Ahmad dalam buku Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Azizi (1999) mendefinisikan novel adalah satu karya yang mentafsirkan kehidupan manusia yang telah terbina dalam bentuk sastera cereka. Ianya telah menjadikan tiga faktor utama yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Pengalaman peribadi yang pernah terjadi, realiti kehidupan yang berlaku dan dilalui serta imaginasi merupakan faktor-faktor tersebut. Terdapat beberapa pemikiran yang mengatakan novel ini merupakan kisah yang mewujudkan satu perkara yang diluar jangkaan daripada kehidupan manusia sehingga wujudnya pelbagai konflik dan pertikaian yang berlaku. Seperti yang kita sedia maklum, penulisan novel atau karya novel tidak terikat dengan format dan sebarang bentuk struktur seperti yang terdapat dalam drama dan sajak. Segala daya kreatif dan imaginasi pengarang telah dibukukan menjadi sebuah karya fiksiyen.

Pengkaji telah menggunakan teks novel dalam kajiannya. Teks novel yang dipilih adalah Novel *Di Sebalik Dinara*. Novel ini merupakan sebuah karya Dayang Noor atau nama sebenarnya Noor Aziza. Novel ini ditulis pada tahun 2012 dan diterbitkan oleh Universiti Teknologi Malaysia(UTM) dan Utusan Publications. Tema novel *Di Sebalik Dinara* ini ialah ketaasaban terhadap teknologi sehingga hilangnya sifat kemanusiaan. Pengkaji telah membuat kajian berdasarkan unsur intrinsik yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor. Pengkaji akan mengenalpasti unsur-unsur intrinsik seperti tema, plot, perwatakan, gaya bahasa, latar, amanat dan sudut pandang yang terkandung dalam novel tersebut. Satu penganalisan akan dibuat oleh pengkaji untuk mengenalpasti aspek intrinsik berdasarkan unsur-unsur intrinsik yang telah diketengahkan oleh pengarang dalam novelnya.

Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan teori Strukturalisme dengan menggunakan pendekatan strukturalism dalam kajiannya. Teori Strukturalisme merupakan teori yang menyetengahkan aspek dalaman yang telah membentuk satu rangka atau struktur dalam penghasilan sesebuah teks atau karya. Menurut Mana Sikana (1983: 82-83) struktur sesebuah teks ini adalah plot, tema, gaya bahasa, perwatakan, latar, amanat dan sudut pandangan. Struktur ini pada kebiasaannya memang sering digunakan dalam genre drama, cerpen dan novel. Teori ini bersesuaian dengan kajian yang telah dibuat oleh pengkaji dengan menghubungkan aspek intrinsik yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Hal ini demikian kerana, pengkaji hanya merumuskan aspek dalaman yang terdapat dalam novel tersebut. Teori ini tidak menyentuh berkenaan dengan pengkarya atau perkara-perkara lain yang terdapat di luar teks. Kandungan teks sepenuhnya kepada keseluruhan sistem dan struktur teks itu sendiri iaitu unsur-unsur intrinsik yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Struktur dalaman sentiasa berkait dengan unsur-unsur intrinsik ini yang telah menentukan makna, keindahan dan keistimewaan yang berada di dalam karya novel tersebut.

1.1 Pernyataan Masalah

Permasalahan kajian yang dikaitkan dalam kajian ini ialah penelitian dari aspek intrinsik dalam mengkaji novel *Di Sebalik Dinara* masih kurang dilakukan. Aspek intrinsik ini merangkumi tema, gaya bahasa, plot, amanat, sudut pandang dan latar. Unsur intrinsik ini merupakan aspek yang sangat penting yang perlu kita terapkan dalam mengarang sebuah novel. Hal ini demikian kerana, unsur intrinsik merupakan satu elemen penting yang boleh membentuk keseluruhan novel untuk dikarang. Namun demikian, penelitian dalam menyentuh aspek

intrinsik kurang dilakukan bagi kajian novel *Di Sebalik Dinara*. Kebanyakan pengkaji tidak mengkaji secara keseluruhan pengisian yang terkandung dalam novel *Di Sebalik Dinara* ini. Novel merupakan karya fiksi naratif yang bersifat panjang. Unsur intrinsik ini telah memperlihatkan dan merupakan salah satu rangkaian untuk membentuk jalan cerita dalam sesebuah karya novel.

Kebanyakan pengkaji hanya membuat kajian sebahagian kandungan novel sahaja seperti nilai-nilai murni, perwatakan dan sebagainya dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Ianya tidak merangkumi keseluruhan novel tersebut sedangkan aspek intrinsik ini yang membangunkan sesebuah karya itu sendiri. Pendapat Nurgiyantoro (2010: 2023), beliau berpendapat bahawa unsur intrinsik inilah yang membentuk satu karya sastera dan hadir sebagai karya sastera kerana aspek intrinsik ini yang akan dijumpai oleh seseorang pembaca karya sastera novel. Kurangnya penelitian terhadap aspek intrinsik dalam novel *Di Sebalik Dinara* menyebabkan pengkaji tidak dapat mengesan dengan lebih mudah mudah unsur-unsur intrinsik untuk dijadikan satu bahan kajian. Hal ini demikian kerana, dengan pengolahan melalui aspek intrinsik tersebut telah terbinanya sifat kepengarangan dan keunggulan seseorang pengarang.

Permasalahan kajian yang seterusnya ialah kurangnya pengetahuan orang awam tentang unsur intrinsik yang diterapkan dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Umum mengetahui novel merupakan narasi prosa yang dikarang atau dicipta dengan panjang. Di dalam novel juga terkandungnya alur atau perjalanan kisah kehidupan seseorang yang berada dekat dengan kita dengan menunjukkan watak dan sifat setiap pelaku. Masyarakat kini kurang membaca bahan bacaan yang bersifat panjang penceritaannya seperti novel. Hal ini demikian kerana, untuk mengenal pasti unsur intrinsik perlu satu budaya pembacaan dalam diri

masyarakat. Tanpa pembacaan yang teliti aspek intrinsik seperti tema, tokoh, latar, gaya bahasa sukar untuk diketahui dan kurangnya kefahaman kepada pembaca yang membaca karya novel *Di Sebalik Dinara*. Kurang pengetahuan unsur intrinsik ini juga boleh terjadi apabila masyarakat tidak memahami maksud ciri-ciri unsur intrinsik yang terdapat dalam sesebuah karya.

1.2 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai di dalam kajian ini iaitu:

1. Mengenal pasti unsur intrinsik yang terdapat dalam novel *Disebalik Dinara*.
2. Menganalisis unsur-unsur intrinsik yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara* dengan mengaplikasikan Teori Strukturalisme.

1.3 Skop Dan Batasan Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dibuat ini pengkaji telah membataskan kajian kepada beberapa skop tertentu yang mempunyai kaitan dengan aspek kajian terhadap sebuah novel *Di Sebalik Dinara*. Kajian ini hanya berfokuskan satu analisis teks sahaja iaitu teks novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor. Bagi kajian ini yang telah dibuat, pengkaji tidak membuat kajian kesemua aspek atau kandungan yang terdapat di dalam novel tersebut. Hal ini demikian kerana, pengkaji hanya memberikan tumpuan kepada unsur-unsur intrinsik seperti tema, gaya bahasa, watak dan perwatakan, amanat, plot, latar dan sudut pandang yang terkandung dalam novel *Di Sebalik Dinara* tersebut. Selain itu, pengkaji juga telah membataskan kajiannya kepada satu teori iaitu teori Strukturalisme dengan menggunakan pendekatan Strukturalism. Pengkaji menggunakan teori tersebut sebagai satu teori yang memberi perhatian tentang hal-hal dalaman yang telah mewujudkan satu rangka atau aliran dalam teks novel *Di Sebalik Dinara*. Struktur teks yang dikaji oleh pengkaji termasuklah tema, watak dan perwatakan, latar, alur, gaya bahasa, tokoh, amanat dan sudut pandang. Teori ini amat sinonim dengan genre novel untuk pengkaji mengkaji unsur-unsur intrinsik dan perkara dalaman yang berkait di antara satu sama lain dan saling berhubung. Dari situlah pengkaji dapat menentukan atau melihat sendiri makna, keistimewaan dan keindahan teks novel *Di Sebalik Dinara* tersebut.

1.4 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian yang telah dibuat oleh pengkaji jelaslah bahawa betapa pentingnya kajian sebegini dilakukan kerana ianya telah banyak memberikan peranan dengan mendidik, mengajar, mengkritik dan menjadi bahan rujukan atau bahan fikir kepada individu, masyarakat dan institusi.


Kepentingan kajian ini kepada individu adalah kajian ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan seseorang individu dan mendalaminya dengan lebih luas tentang unsur kepengarangan. Berdasarkan daripada kajian ini, seseorang itu akan dapat mengenal pasti unsur-unsur intrinsik yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor. Kajian ini juga akan menjadikan seseorang itu memahami dan menghayati sesuatu karya itu dengan baik dan teliti. Hal ini demikian kerana, untuk seseorang mengkaji sesuatu karya bukan sahaja berfokuskan pada hasil karya sahaja malah kemahiran seseorang pengarang dalam menghubungkan karyanya dengan khalayak. Oleh itu, dengan kajian ini individu akan mudah mengenal pasti aspek intrinsik yang terdapat dalam sebuah novel.

Seterusnya, kepentingan kajian ini kepada masyarakat ialah bagi memperluaskan lagi maklumat atau pengetahuan tentang penggunaan unsur intrinsik dalam novel pada kalangan masyarakat yang akan datang. Hal ini demikian kerana, unsur-unsur intrinsik ini penting untuk masyarakat mengetahui untuk mereka mengkritik sesebuah novel yang dibaca atau hendak dikaji. Dengan kajian ini, ianya turut memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan penerapan unsur intrinsik ini dalam penghasilan sesebuah karya iaitu novel. Oleh itu, masyarakat akan mampu untuk mengarang atau

menghasilkan karya sastra dengan kandungan kualiti yang tinggi dan mudah diterima oleh khalayak atau pembaca.

Selain itu, kajian ini juga memberikan peranan yang penting kepada kalangan institusi. Kajian ini boleh dijadikan rujukan atau panduan kepada pihak universiti dan pelajar dalam pendidikan mereka. Oleh itu, ianya memudahkan dan dapat membantu mereka untuk menyelesaikan segala tugas atau kajian-kajian yang mereka perlu lakukan. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai satu maklumat atau bahan tambahan kepada tenaga pengajar bagi subjek sastra diperingkat sekolah menengah serta sebagai rujukan secara bersama.

1.5 Kerangka Teori



Rajah 1: Unsur-unsur Intrinsik

1.6 Organisasi Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini mengandungi 5 bahagian bab. Setiap bab mempunyai maklumat tersendiri pada setiap bahagian. Bab 1 adalah pendahuluan dan terdapatnya pecahan-pecahan bahagian. Pecahan tersebut bermula dengan 1.1 iaitu pengenalan yang menceritakan tentang sastera, kesusasteraan, latar belakang novel yang dipilih, teori yang digunakan secara ringkas. Bahagian 1.2 menyatakan tentang permasalahan kajian yang membincangkan permasalahan yang berlaku dalam kajian ini. Bahagian 1.3 pula merupakan objektif kajian iaitu gambaran terperinci tentang kajian yang hendak dilakukan oleh pengkaji. Seterusnya, bahagian 1.4 adalah skop atau batasan kajian yang menceritakan had kajian ini, penggunaan teks dan fokus yang diutamakan dalam kajian ini. Bahagian 1.5 merupakan kepentingan kajian iaitu menjelaskan kebaikan dan faedah yang diperolehi melalui kajian ini dari segi individu, masyarakat dan juga institusi. 1.6 pula ialah metodologi kajian yang berpecah kepada dua bahagian iaitu 1.6.1 kaedah kajian. Kaedah kajian ini merupakan cara atau kajian ini dilakukan menggunakan kaedah apa. Pengkaji telah menggunakan kaedah kajian kualitatif yang merangkumi kaedah perpustakaan dan analisis teks. Pecahan yang kedua 1.6.2 iaitu kerangka teori yang membincangkan tentang teori yang sesuai dan telah digunakan oleh pengkaji dalam kajiannya. Selain itu, 1.7 pula adalah organisasi kajian yang menghuraikan segala tugas yang terkandung dalam setiap bahagian kajian.

Seterusnya, di dalam bab dua, merupakan kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan kajian yang dilakukan. Pengkaji telah menghuraikan secara ringkas kajian lepas yang berkaitan dengan karya sastera iaitu novel. Melalui kajian yang lepas ini pengkaji dapat mengaitkan lagi penggunaan teori

Strukturalisme dengan unsur intrinsik. Sedikit sebanyak kajian lepas yang ada ini dapat memudahkan pengkaji membuat kajian dengan sempurna dan berjaya.

Bagi bab tiga pula pengkaji menerangkan berkenaan dengan definisi teori atau pendekatan. Pada bahagian ini pengkaji akan menghuraikan secara terang dan jelas berkenaan teori yang digunakan dalam kajian ini iaitu teori Strukturalisme. Teori Strukturalisme adalah teori yang mengetengahkan perkara-perkara dalaman yang membentuk satu rangka dalam penghasilan sebuah karya seperti novel. Perancis adalah negara yang terkenal dengan teori tersebut. Claude Levi- Strauss adalah pengasas teori ini yang juga merupakan ahli antropologi. Beliau telah mengaplikasikan Strukturalisme Linguistik Saussure di dalam kajiannya terhadap fenomena mitos, perhubungan kekeluargaan dan peraturan pemakaman (K.M. Newton, 1997: 83).

Bab empat pula merupakan bahagian untuk menghuraikan analisis kajian oleh pengkaji. Pengkaji telah meletakkan beberapa contoh-contoh petikan berkenaan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Analisis kajian ini bagi memudahkan pembaca untuk memahami setiap kandungan yang ingin disampaikan oleh pengkaji dalam kajian ini. Pengkaji akan memperjelaskan dengan lebih mendalam dan tepat beserta meletakkan contoh-contoh yang berkaitan.

Bab lima pula merupakan pembahagian tentang rumusan hasil dapatan kajian ini. Pengkaji akan membuat kesimpulan atau membuat rumusan berdasarkan keseluruhan bab secara ringkas serta cadangan yang boleh mendatangkan kebaikan kepada semua pihak.

1.7 Penutup

Jelaslah bahawa, tidak boleh dinafikan bahawa masih lagi terdapat segelintir pengarang di Malaysia yang masih belum mengetahui bahawa pentingnya unsur intrinsik dalam penghasilan sesebuah karya. Unsur intrinsik ini merupakan salah satu perkara penting yang perlu ada dalam penghasilan sesebuah karya sastera seperti novel kerana dengan adanya unsur intrinsik ini akan menjadikan lahirnya sebuah karya yang sempurna dan mempunyai kualiti yang tinggi. Antara unsur intrinsik tersebut yang perlu diterapkan dalam penghasilan karya adalah tema, watak dan perwatakan, plot, latar, gaya bahasa, amanat dan sudut pandang.

Teori Strukturalisme ini sangat dekat dan berkait rapat dengan unsur intrinsik yang digunakan dalam penghasilan karya dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Hal ini dikatakan demikian kerana teori Strukturalisme juga terdiri daripada aspek atau unsur intrinsik seperti tema, watak dan perwatakan, gaya bahasa, plot, latar, amanat dan sudut pandang. Kesimpulannya, unsur intrinsik ini sangat penting dan merupakan perkara yang utama perlu diambil kira dalam penghasilan sesebuah karya seperti novel supaya pembaca dapat memahami setiap jalan cerita dan mesej yang ingin disampaikan dalam novel tersebut. Kualiti dalam sesebuah karya mampu menarik para pembaca untuk membaca novel yang dihasilkan oleh pengkarya.

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan

Pengkaji telah mendapati bahawa tiada lagi kajian dilaksanakan berkaitan analisis Unsur Intrinsik Yang Terdapat Dalam Novel *Di Sebalik Dinara* Karya Dayang Noor. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian-kajian yang terdahulu tidak terdapat lagi kajian berkenaan unsur intrinsik berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*. Oleh itu, pengkaji ingin menfokuskan analisisnya kepada kajian berkenaan unsur intrinsik dalam novel dengan mengaplikasikan teori Strukturalisme.

2.1 Kajian Lepas Unsur Intrinsik

Satu penganalisan telah dibuat oleh Alfi Rohmatin (2019) berkenaan dengan unsur intrinsik dalam novel *Assalamualaikum Hawa Yang Tersembunyi* karya Heri Satriawan dan *Hubungannya Dengan Pembelajaran Bahasa Indonesia di SMA*. Unsur intrinsik adalah aspek penting dalam penghasilan sesebuah novel untuk membangunkan sesebuah cerita. Berdasarkan penelitian yang beliau lakukan, satu kajian telah dibuat terhadap unsur intrinsik yang merangkumi tema, tokoh, latar, plot, sudut pandang, amanat dan gaya bahasa. Unsur intrinsik tersebut telah dapat dikenalpasti di dalam novel tersebut dan hasil penganalisan ini diterapkan juga di Sekolah Menengah Atas (SMA) dalam pembelajaran Bahasa Indonesia. Hubungkait penelitian unsur intrinsik dengan pembelajaran Bahasa Indonesia di SMA membolehkan kajian ini digunakan oleh guru bahasa

dan sastera di Indonesia dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya subjek sastera.

Seterusnya, Ferdi Guhuhuku (2021) telah menghasilkan sebuah jurnal yang membincangkan tentang aspek unsur intrinsik dalam novel *Pijaki Langit Mengetuk Pintu Surga* karya Novelyzius. Beliau telah membahaskan aspek intrinsik yang meliputi tema, tokoh atau penokohan, latar, alur, amanat dan sudut pandang. Tema yang telah dapat dikenalpasti oleh pengkaji dalam kajian ini adalah tema cinta dan pengorbanan. Analisis plot pula menunjukkan adanya alur progresif atau alur maju dan alur mundur. Seterusnya, latar tempat dan masa merupakan latar yang dapat diperolehi melalui kajian ini. Pada bahagian sudut pandang pengkaji telah memilih sudut pandang orang pertama dan ketiga di mana sudut pandang orang pertama adalah 'Aku' dan bagi orang ketiga pengarang menggunakan nama orang seperti Rhe. Analisis gaya bahasa yang digunakan adalah personifikasi dan hiperbola. Bagi analisis amanat yang terdapat dalam novel adalah tentang perjalanan sebuah kehidupan yang di dalamnya ada cinta, pengorbanan, persahabatan dan liku-liku kehidupan yang harus dijalani dengan rasa syukur, tulus, ikhlas dan tabah.

Selain itu, analisis yang diketengahkan oleh Emiya Hartanta Simarmata (2021) turut menyetengahkan penganalisan tentang unsur intrinsik dalam novel *Laskar Pelangi* karya Andrea Hirata. Analisis ini pengkaji telah membincangkan berkenaan unsur intrinsik iaitu tema, latar, tokoh, alur, sudut pandang, gaya bahasa dan amanat. Pengkaji telah menggunakan pendekatan struktural. Pendekatan ini dipilih kerana bersesuaian untuk menghubungkan dengan unsur intrinsik yang hendak dikaji dalam novel *Laskar Pelangi*. Hasil daripada analisis yang dibuat tema novel ini ialah kisah percintaan, kemiskinan dan

pendidikan. Di dalam novel ini ceritanya menggunakan alur maju dan bagi analisis latar pula adalah latar masa, latar tempat dan latar sosial. Analisis tokoh bagi tokoh utama dalam novel tersebut adalah Ikal, Lintang dan Mahar manakala penokohan menggunakan teknik analitik dan dramatik bagi menggambarkan para tokoh. Analisis sudut pandang dalam novel pula adalah sudut pandang orang pertama iaitu “Aku” yang banyak berperanan dalam cerita tersebut. Amanat yang telah dapat digambarkan oleh pengkaji yang terkandung dalam novel tersebut adalah ajakan kita untuk sentiasa bersyukur dalam kehidupan.

Andi Permana, Lia Juwita dan Ai Siti Zenab (2019) juga telah mengetengah perbincangan unsur intrinsik dalam novel *Menggapai Matahari* karya Dermawan Wibisono. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dalam bahagian metodologi kajian. Hasil daripada kajian ini, novel *Menggapai Matahari* jelas memancarkan tema berkenaan dengan usaha seorang anak untuk melahirkan semula kepercayaan ibunya terhadap dirinya. Perwatakan tokoh dalam cerita ini mempunyai watak yang berbeza-beza dengan tujuan supaya pembaca berasa menarik untuk pembaca membaca novel tersebut. Bagi analisis alur pula, pengkaji mendapati alur maju telah digunakan dalam novel ini. Pada bahagian latar terdapat latar masa, tempat dan suasana. Sudut pandang yang diperolehi pengkaji dalam novel tersebut iaitu penggunaan sudut pandang orang pertama “Aku” yang merupakan watak utama dalam novel tersebut. Seterusnya, amanat yang diperolehi daripada pengkaji adalah untuk tetap menyayangi orang tua dan sentiasa percaya kepada Tuhan sahaja.

Raihan binti Marzuki (2017) telah membuat satu analisis kajian berkenaan dengan Interpretasi Unsur Intrinsik Berdasarkan Nilai Murni Imam Al-Ghazali Dalam Teks Kalilah Dimnah. Kajian ini adalah berbentuk kajian kepustakaan

dengan menggunakan kaedah *kualitatif deskriptif*. Pengkaji telah mengaplikasikan teori *strukturalisme* yang ditubuhkan oleh Ferdinand De Saussure melalui pendekatan semantik *struktural*. Tema yang telah diperolehi dalam kajian ini mengandungi nilai murni untuk ditafsir dan diklasifikasikan berdasarkan elemen pembinaan akhlak yang telah diperkenalkan oleh Al-Imam al-Ghazali. Pengkaji telah mengenal pasti beberapa aspek nilai murni dan telah diklasifikasikan berdasarkan empat elemen penting iaitu al-Hikmah (kebijaksanaan), Al-Shajaah (keberanian), Al-Iffah (kesucian) dan al-Adl (keadilan). Metodologi dalam kajian ini adalah melalui analisis kandungan teks bagi mendapatkan kesimpulan yang lebih terperinci berkenaan hubungan unsur intrinsik dengan pelbagai aspek nilai murni. Melalui kajian ini telah memperlihatkan gabungan antara semantik struktural dan pendekatan Al-Imam al-Ghazali ke atas makna teks yang membawa kepada penemuan nilai murni dalam makna yang lebih luas, dapat mengaitkan dengan pelbagai tema, penggunaan watak dan perbezaan latar suasana dari aspek yang berbeza.

Satu analisis kajian telah dibuat oleh Rahman Fasieh, Hamsa dan Muhammad Irwan (2019) dengan tajuk analisisnya iaitu Analisis Unsur-unsur Intrinsik pada Kisah Nabi Yusuf a.s dalam Al-Quran Melalui Pendekatan Kesusasteraan Moden. Melalui kajian ini, pengkaji hendak membahas tentang bagaimana perkaitan unsur-unsur intrinsik yang terkandung dalam kisah nabi Yusuf a.s di dalam al-Quran. Hasil daripada kajian ini telah menunjukkan bahawa kisah nabi Yusuf a.s ini merupakan kisah yang sempurna dengan adanya unsur-unsur intrinsik yang terbahagi kepada lima iaitu tema, dialog, latar, tokoh dan penokohan dan alur. Keseluruhan unsur intrinsik tersebut dapat dikenal pasti dalam kisah nabi Yusuf a.s. Tema yang dapat dikenal pasti ialah tema kisah yang

menjadi menarik minat pembaca dengan adanya simbolis pada awal surah iaitu frasa *alif, lam* dan *ra*. Bagi dialong pula, di dalam kisah ini terdapat empat unsur dialog iaitu prolog, monolog, dialog dan epilog. Tokoh ialah nabi Yusuf sebagai tokoh utama dalam kisah ini manakala penokohan ialah perempuan-perempuan dalam kisah ini disebut oleh **Niswah** di dalam al-Quran. Antara peristiwa dan alur ialah mimpi Yusuf, kedengkian saudara-saudara tua Yusuf a.s dan lain-lain lagi. Selain itu, latar masa dan tempat yang terdapat dalam kisah nabi Yusuf a.s antaranya kediaman nabi Ya'qub a.s, padang rumput dan sumur tua manakala latar waktu ialah pada siang hari dan saat matahari terbenam.

Di samping itu, Nurnazirah binti Musa (2015) telah membuat satu kajian tentang Interpretasi Intrinsik Dalam Karya Catan Syed Ahmad Jamal. Beliau telah menginterpretasi makna intrinsik dalam karya-karya catan Syed Ahmad Jamal bermula dari tahun 1950an sehingga 2000. Penganalisan catan telah dibuat sebanyak 13 catan mengikut tema-tema tertentu. Antara catan yang telah dipilih oleh pengkaji ialah catan *Duel in the Snow*, catan *Gunung Ledang*, catan *Palestine* dan lain-lain lagi. Aspek-aspek penting yang diambil kira dalam analisis ini ialah tema, bentuk, simbol, warna dan rupa. Kajian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui pemerhatian, temubual dan analisis dokumen. Secara keseluruhannya, analisis kajian ini telah menerangkan maksud dalam rupa bentuk dan faksafah Melayu yang terdapat dalam catan Syed Ahmad Jamal dengan menggunakan pendekatan seni moden.

Berikutnya, adalah kajian unsur intrinsik yang dilakukan oleh Yeli Janianti Suhendi, Teti Sobari dan Enung Nurhayati (2020) yang bertajuk Analisis Unsur Intrinsik Novel "*Si Camar Jonathan Livingston*" Karya Richard Bach. Kajian ini bertujuan untuk mendeskripsikan unsur intrinsik yang terkandung dalam novel *Si*

Camar Jonathan Livingston karya Richard Bach. Kajian ini hanya membataskan dengan sebuah novel sahaja iaitu novel *Si Camar Jonathan Livingston* karya Richard Bach. Metode yang telah digunakan oleh pengkaji dalam penelitian ini adalah metode deskriptif kualitatif. Seterusnya, hasil penelitian daripada kajian yang telah dibuat oleh pengkaji telah menunjukkan tema daripada novel *Si Camar Jonathan Livingstone* karya Richard Bach ialah tema kebebasan untuk menjalani kehidupan. Bagi tokoh pula, pengkaji mendapati tokoh dalam novel ini berbeza-beza sehingga ianya menarik untuk dibaca. Terdapat 12 tokoh antaranya Jonathan Livingston, ibu Jonathan, ayah Jonathan, Chiang dan lain-lain lagi. Alur yang digunakan dalam novel tersebut ialah alur maju kerana penulis tidak menceritakan kejadian yang terjadi di masa yang lalu tetapi penulis menceritakan peristiwa yang baru terjadi dan kedepannya sahaja yang diceritakan dalam novel ini. Selain itu, di dalam novel ini terdapatnya latar tempat, masa dan suasana. Sudut pandang pula yang digunakan adalah sudut pandang orang ketiga serba tahu kerana penulis menggunakan nama orang untuk menceritakan tokoh utama. Amanat yang dapat diketengahkan melalui cerita di dalam novel ini ialah perlu sentiasa berusaha dan jangan mudah menyerah kalah untuk mencapai apa yang dicita-citakan walaupun terdapat banyak rintangan yang datang.

MALAYSIA

KELANTAN

2.2 Kajian Lepas Novel

Pada tahun 2020, satu kajian telah dilakukan oleh Srikandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet iaitu Perwatakan Dalam Novel Komsas “*Di Sebalik Dinara*”: Analisis Teori Relevan. Pengkaji telah membuat penganalisan perwatakan yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor. Kajian ini dilaksanakan dalam bentuk kualitatif. Selain itu, pengkaji juga menggunakan pendekatan Teori Relevan (TR) yang mementingkan kesan kognitif, konteks dan usaha bagi memproses maklumat untuk memudahkan pembaca memahami citra atau perwatakan dalam novel tersebut. Perwatakan watak yang telah diolahkan dalam novel tersebut akan dianalisis secara eksplikatur dan implikatur dengan menggunakan pendekatan Teori Relevan dan Rangka Rujuk Silang (RRS) supaya memudahkan pembaca atau pelajar memahami konsep watak dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Hasil daripada analisis kajian ini dapat memberi kesimpulan bahawa perwatakan watak dalam novel ini telah dilihat perwatakan watak adalah seorang yang berdikari, bertanggungjawab, sentiasa berhati-hati dalam membuat keputusan dan tidak bertindak secara terburu-buru.

Kajian ini berkaitan novel yang telah dilakukan oleh Jyh Wee Sew (2016) yang bertajuk Analisis Kajian Sastera: Semiotik dalam Novel Anwar Ridhwan. Kajian ini pengkaji ingin meninjau kualiti sebuah buku ilmiah bahasa Melayu yang telah diterbitkan pada tahun 2014. Terdapat dua bahagian penilaian yang digunakan dalam kerangka ilmiah iaitu penampilan luaran dan struktur dalaman. Bahagian pertama adalah menyemak kualiti suntingan dan ketepatan rujukan manakala bahagian yang kedua menyemak kualiti kajian dan kesesuaian aspek teori yang digunakan dalam perbincangan. Kualiti penyuntingan ialah ketepatan

dari segi ejaan sesuatu bahasa apabila ketepatan kajian merujuk kepada kes-kes lanjutan daripada analisis buku yang berkaitan dengan hasil kajian sedia ada atau membetulkan hasil kajian yang terkandung dalam kajian bebas. Kesesuaian aspek teori dalam konteks ini adalah penjelasan penulis menghubungkan pandangannya dengan pemikiran yang baharu merujuk pemilihan pecahan tertentu daripada mazhab pemikiran yang digunakan dalam kerangka kajian. Keempat-empat sudut pandangan yang telah dikemukakan ini berperanan sebagai petanda bagi sesebuah tulisan yang berpegang pada kerangka semiotik. Pengkaji mendapati terdapat kesalahan dari segi ejaan dan di dalam tata cara rujukan ilmiah yang tidak tepat dalam bibliografi. Perbincangan semiotik yang dipaparkan terbatas pada hubungan penanda dan rujukan.

Kajian lain yang berkaitan dengan novel adalah yang dilakukan oleh Siti Farida Salleh, Yazid Yahya, Mary Fatimah Subet dan Muhammad Zaid Daud (2020). Tajuk kajiannya ialah Analisis Semantik Leksikal Dalam Novel *Sangkar* Karya Samsiah Mohd.Nor. Berdasarkan analisis yang telah dibuat, kajian ini akan membuat satu penerokaan berkaitan dengan makna di sebalik novel yang bertajuk *Sangkar* ini. Novel ini dikatakan telah diterbitkan pada tahun 2010 melalui penerbitan Alaf21 Sdn.Bhd. Sebanyak 248 muka surat dan 26 bab yang terkandung di dalam novel tersebut. Kajian ini dijalankan dalam bentuk kualitatif iaitu membuat penganalisan melalui teks yang telah dibukukan serta menggunakan pendekatan kuantitatif bagi memudahkan untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan leksikal dalam novel *Sangkar* ini. Selain itu, pengkaji telah mengaplikasikan pendekatan semantik leksikal supaya pengkaji dapat membuat pembahagian jenis-jenis leksikal kepada sinonim, antonim, hiponim, polisim, homonim, homofon, homograf, metonim dan meronim. Melalui dapatan

kajian yang telah dibuat, jumlah kekerapan dan peratusan bagi keseluruhan semantik leksikal telah mencatatkan nilai kekerapan sebanyak 1019 bersamaan dengan 100% leksikal. Namun begitu, hanya terdapat beberapa jenis leksikal sahaja yang mempunyai kekerapan dan peratusan ianya terdiri daripada antonim 442(43.37%), sinonim 218(21.39%), meronim 185 (18.15%) dan hiponim 174 (17.07%). kesimpulannya, dapat dirumuskan pendekatan semantik leksikal ini telah membolehkan pelbagai kelompok leksikal yang berbeza dikelaskan di dalam golongan makna yang sama.

Melia Nuryanti, Teti Sobari (2019) telah mengkaji berkenaan novel dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Kajian Psikologi Sastera Pada Novel "*Pulang*" Karya Leila S. Chudori. Berdasarkan kajian ini, pengkaji ingin merumuskan dalam kajian ini bagaimana aspek psikologi watak utama dalam novel *Pulang* menghadapi konflik dalaman serta cabaran atau halangan berbentuk konflik dalaman yang pernah dialami oleh watak utama dalam novel tersebut. Pengkaji membuat penelitian ini adalah untuk menganalisis psikologi sastera dengan mengkaji aspek kejiwaan tokoh dan menghuraikan tentang terjadinya gangguan mental yang telah dialami oleh tokoh utama iaitu Dimas Suryo. Bagi bahagian metode pula pengkaji telah menggunakan kaedah deskriptif kualitatif dengan disertai sumber data dalam novel *Pulang* yang dikaryakan oleh Leila S. Chudori dan beberapa jenis penelitian yang berkaitan. Hasil analisis kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa watak Dimas Suryo telah berdepan pelbagai konflik dalaman akibat sering memikirkan peristiwa yang telah berlaku di tanah airnya dan juga keinginannya untuk kembali ke tanah air walaupun setiap kali percubaan yang dilakukannya telah gagal beberapa kali. Akibat daripada kejadian tersebut telah menimbulkan gangguan mental pada tokoh utama iaitu

Dimas Suryo. Gangguan yang telah dialami merangkumi perasaan kegelisahan, trauma, stress dan depresi. Keempat-empat gangguan psikologi tersebut sangat mengganggu ketenangan hidup dan membataskan proses perihal diri untuk menjalani kehidupan yang sejati. Namun, pada akhir penulisannya penulis novel ini telah memilih kematian sebagai pengakhiran cerita akibat daripada penderitaan psikologis yang dialami oleh Dimas Suryo sebagai tokoh utamanya.

Satu kajian novel telah dilakukan oleh Mohd Khairul Adenan, Flotence Gilliam Kayad dan Muhammad Zaid Daud (2018) yang bertajuk Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa Dalam Novel Sastera Indie Karya Azwar Kamaruzaman. Pengkaji membuat kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis penggunaan bahasa dalam novel *Nasi Kangkang* karya Azwar Kamaruzaman. Objektif pertama kajian ini adalah mengenalpasti fungsi penggunaan aspek diksi pada novel manakala objektif kedua pula adalah menganalisis kesan penggunaan unsur bahasa dramatik dan mengenal pasti gaya peribadi penulis novel ini. Seterusnya, metodologi kajian ini melibatkan kaedah penyelidikan kualitatif berdasarkan analisis teks novel *Nasi Kangkang* karya Azwar Kamaruzaman. Pengkaji telah berfokuskan teori stilistik berlandaskan kepada prinsip Webber (1989) di dalam kajiannya. Selain itu, analisis ini juga melibatkan bacaan yang rapi dan teliti pada bahagian kata, frasa dan ayat untuk mengenalpasti aspek diksi dan unsur bahasa dramatik yang terkandung dalam novel tersebut. Hasil daripada kajian ini mendapati penggunaan aspek diksi seperti slanga, dialek dan bahasa asing dapat memainkan peranan dalam novel ini contohnya menyedari latar belakang, mengenalpasti perwatakan dan menimbulkan kesan terhadap watak. Bagi kesan penggunaan unsur bahasa dramatik, kajian ini mendapati penggunaan tersebut dapat memberi kesan terhadap konteks dan watak. Di

samping itu, dari segi gaya bahasa pula penulis banyak menggunakan slanga, dialek Utara dan gemar menggunakan gaya bahasa hiperbola dan simile dalam novel *Nasi Kangkang*. Secara keseluruhannya, penggunaan teori stilistik dapat melihat penggunaan gaya bahasa dalam novel ini dan kesimpulan daripada kajian ini dapat memberi maklumat tentang makna sastera Indie serta bagaimana gaya bahasa yang diterapkan dalam karya-karya Indie.

Di samping itu, kajian novel dilihat melalui kajian Norazila Buhari, Nor Azlili Hassan dan Nik Norazira Abd Aziz (2020). Pengkaji telah membuat satu penganalisan tentang Unsur Disfemisme: Ragam Bahasa dalam Novel "*Kasyaf Ain*". Novel *Kasyaf Ain* ini mengandungi pelbagai ragam bahasa yang mempunyai unsur disfemisme yang telah digarap atau diketengahkan oleh Ramlee Awang Mursyid. Pengarang novel tersebut telah menggunakan ragam bahasa tersebut namun tetap mengekalkan estetika bahasa di dalam karyanya. Oleh sebab itu, analisis kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis ragam bahasa Melayu yang terdapat dalam novel *Kasyaf Ain*. Pengkaji telah menggunakan kaedah kajian yang berbentuk analisis kandungan yang menunjukkan novel *Kasyaf Ain* dan bahan-bahan kajian lepas yang mempunyai kaitan atau hubungan dengan novel kajian dan ragam bahasa. Selain itu, pengkaji telah menganalisis ragam bahasa berdasarkan setiap bab dalam novel tersebut untuk memperlihatkan secara jelas tentang fungsinya. Secara keseluruhannya, kajian ini telah menunjukkan bahawa novel *Kasyaf Ain* telah menggunakan ragam bahasa yang menarik dan mudah difahami seperti ragam bahasa mengejek, ragam bahasa herdik, ragam bahasa sindiran, ragam bahasa tempelak ragam bahasa melampau dan ragam bahasa menggiat.

Kepelbagaian ragam bahasa yang saling bertaut ini telah melahirkan kesempurnaan pada novel *Kasyaf Ain* sebagai sebuah karya kreatif.

Rosnani Binti Md Zain, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018), mengkaji perihal Karisma Wanita dalam Novel *Nenek Karya Razali Endun*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis karisma wanita yang terkandung dalam novel *Nenek karya Razali Endun* terbitan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) pada tahun 2014. Pengkaji telah melakukan kajian ini berdasarkan kepada dua pendapat yang memperlihatkan bahawa watak wanita sering dipandang dari sudut negatif sahaja oleh pengarang-pengarang lelaki. Seterusnya, pendapat kedua pula mengatakan bahawa tidak semua pengarang daripada golongan lelaki memberikan imej yang tidak baik kepada watak daripada golongan wanita. Melalui percanggahan pendapat ini telah membawa pengkaji untuk melihat karisma wanita yang terdapat dalam novel *Nenek karya Razali Endun*. Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua kaedah kajian iaitu kaedah kepustakaan bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat mengenai watak wanita yang terdapat dalam novel tersebut. Selain itu, kaedah analisis teks juga digunakan bagi menganalisis watak wanita yang terdapat dalam novel tersebut. Di samping itu juga, teori yang digunakan adalah teori psikoanalisis bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian ini. Hasil daripada analisis yang dilakukan mendapati bahawa terdapat beberapa karisma yang diterapkan dalam novel *Nenek* antaranya ialah karisma sebagai pemimpin, karisma sebagai pencinta kebudayaan Melayu, karisma sebagai seorang wanita intelektual dan karisma sebagai wanita yang bertanggungjawab. Oleh itu, karisma wanita yang telah ditonjolkan oleh watak

dalam novel tersebut merupakan watak yang positif dan dapat membangunkan masyarakat.

2.3 Kajian Lepas Teori Strukturalisme

Siti Noor Asyikin Binti Ishak (2022), membuat satu penganalisan yang bertajuk Analisis Elemen Sastera Dalam Pementasan Teater Terpilih Melalui Penerapan Teori Strukturalisme. Melalui pemerhatian oleh pengkaji terdapat beberapa elemen sastera yang harus diketengahkan dalam sesebuah pementasan teater kerana ia akan mempengaruhi cerita yang akan disampaikan oleh barisan pelakon. Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk melihat elemen sastera yang sering digunakan oleh pengarah dalam pementasan teater. Hal ini demikian kerana, terdapat segelintir golongan pengarah masih lagi tidak mengetahui secara mendalam cara untuk menerapkan elemen sastera dalam pementasan teater yang dijalankan. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis elemen-elemen sastera yang perlu wujud dalam sesebuah pementasan teater manakala objektif yang kedua menganalisis teori Strukturalisme yang boleh diterapkan dalam pementasan teater. Kajian ini membataskan kepada beberapa pementasan teater iaitu Teater Lagenda Mahsuri (Aku Bersumpaj), Teater Kampung Semarah Padi UMK Bachok dan Teater Di Puncak Tertinggi Puteri Gunung Ledang. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi memperoleh segala data dalam analisis kajian ini. Di samping itu juga, bagi mengukuhkan lagi kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan teori Strukturalisme yang menitikberatkan beberapa perkara dalaman yang membentuk rangka atau struktur sesebuah teks. Kepentingan kajian yang terdapat dalam pementasan teater terpilih sememangnya memberi kesan yang positif untuk pengkaji

menunjukkan betapa pentingnya penggunaan elemen sastra dalam pementasan sesebuah teater.

Selain itu, Abdul Mutalib (2022) telah menyentuh berkaitan teori Strukturalisme dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Antologi Puisi *Pesan Tua* Karya Hendra Djafar Menggunakan Teori Strukturalisme- Semiotic. Analisis ini dilakukan bertujuan untuk menganalisis buku antologi "*Pesan Tua*" karya Hendra Djafar menggunakan teori strukturalisme-semiotic. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan menjalankan kaedah kajian perpustakaan bagi mencari sumber bacaan yang berkaitan dengan kajian dan relevan. Analisis ini dilakukan berdasarkan tiga puisi iaitu "*Aku Penyair Pesanan*", "*Selawatku*" dan "*Pesan Tua*" yang kesemuanya merangkumi kecenderungan puisi Henda Djafar dalam jenis balada, ode dan kontenporer. Ketiga-tiga puisi tersebut dianalisis menggunakan teori Strukturalisme berdasarkan unsur fizikal dan unsur mental. Unsur fizik dari segi tema, ketiga-tiga puisi tersebut menyuarakan kritik sosial dan dimensi religiusitas. Pada aspek diksi pula banyak memuat idiom bahasa Mandar, Bugis dan Arab. Selain itu, unsur tipografi didominasi berbentuk pembaitan, pungutasi dan enjabemen. Unsur batin pula merangkumi unsur rima yang kebanyakannya menggunakan pola liris, repitisi dan menghentak manakala unsur gaya bahasa banyak menggunakan bahasa konkrit, simile, personifikasi dan metafora. Dari aspek amanat berdasarkan ketiga-tiga puisi ini, mesejnya masih kelihatan tersirat dan terzahir dalam doa dan harapan. Hasil analisis teori semiotik ialah dimensi ikon yang dianalisis daripada ujaran "aku" lirik sebagai penyair dan bertindak sebagai pencerita kelihatan harmonis. Bagi dimensi indeks, terdapat ketegangan tersirat

antara bentuk dan isi puisi, percanggahan dalam dimensi psikologi antara mesej dan kesan serta antara seruan dan kritikan.

Di samping itu juga, terdapat satu analisis yang menyetengahkan kajian strukturalisme. Hastuti, Anjar Dwi, Suhartono. Sarwono dan Sarwit (2017) membuat penganalisan yang bertajuk Kajian Strukturalisme Genetik Novel *Ayah* Karya Andrea Hirata. Pengkaji membuat kajian ini untuk menghuraikan struktur yang membina novel *Ayah* karya Andrea Hirata, menghuraikan fakta manusia novel *Ayah*, menghuraikan pandangan dunia pengarang dan latar belakang sosiobudaya pengarang serta menghuraikan hubungan antara novel *Ayah*. Kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Data yang telah diperolehi adalah hasil daripada penelitian teks cerita yang terdapat dalam novel *Ayah*. Pengkaji telah menggunakan teori strukturalisme genetik dalam kajian ini. Selain itu, penelitian analisis data adalah dari sumber data yang terdapat dalam novel *Ayah*. Teknik analisis data ialah membaca dan memahami isi dalam novel, membuat sinopsis, mengenalpasti data novel, menganalisis struktur data, meneliti struktur karya sastera, meneliti kehidupan sosiobudaya kaum pengarang, meneliti fakta manusia, mengkaji latar belakang sosial dan sejarah serta buat kesimpulan. Kesimpulan yang dapat diambil daripada analisis kajian ini adalah struktur karya sastera memperlihatkan gambaran kehidupan masyarakat Belantik. Tambahan pula, fakta kemanusiaan dalam novel *Ayah* menunjukkan berlakunya peralihan sikap kepedulian terhadap masyarakat Belitong khususnya di Belantik dan pandangan dunia pengarang membincangkan bagaimana kehidupan ekonomi dan kehidupan sosial masyarakat di pulau Belantik pada ketika itu yang dikelilingi dengan kemiskinan dan keterbatasan dalam pendidikan. Kesimpulan yang terakhir ialah hubungan antara karya sastera dengan norma dan nilai,

membincangkan tentang Merlena yang mengandung anak luar nikah dan berkaitan dengan nilai dan norma masyarakat Belitong.

“Susun Atur Pemikiran Kepengarangan A Aziz Deraman Dalam Puisi Terpilih Gelora Nurani Menggunakan Pendekatan Strukturalisme” oleh Siti Halissa Muhammad Jamil (2019) menjelaskan bahawa penyelidikan ini bertujuan untuk menumpukan penganalisisan terhadap Kumpulan Puisi *Gelora Nurani* karya A Aziz Deraman yang memfokuskan kepada pengkajian terhadap susun atur pemikiran A Azziz Deraman dalam kumpulan puisi tersebut yang dapat menyedarkan masyarakat tentang kehidupan masyarakat lain di luar sana. Selain itu, ia juga mengenai budaya yang dibawa oleh masyarakat secara tidak langsung dengan menekankan dari sudut ekonomi, politik, sosial dan bahasa. Kumpulan Puisi Gelora Nurani disajikan sebagai ceramah agama, manusia dan kemanusiaan, dunia dan duniawi, kuasa dan kekuasaan, negara dan kenegaraan, pemikiran yang mengiring persoalan dan permasalahan perjalanan hidup manusia antara alam dengan tuhan dan antara makhluk dengan tuhan. Oleh hal yang demikian, dengan adanya kajian ini dapat memaparkan kepada khalayak bahawa puisi bukan sahaja tertumpu kepada kehidupan masyarakat sahaja tetapi juga telah memfokuskan tentang perihal duniawi masyarakat dalam pemikiran A Aziz Deraman. Melalui analisis Kumpulan Puisi *Gelora Nurani* ini menunjukkan penerapan teori Strukturalisme dalam pemikiran A Aziz Deraman. Pendekatan ini amat sesuai digunakan untuk mengkaji elemen masyarakat di luar sana terhadap kehidupan sebenar individu mahupun sesebuah masyarakat itu sendiri. Secara keseluruhannya, hasil daripada kajian ini dapat memperlihatkan sejauhmana permasalahan sosial yang berlaku di dalam kumpulan Puisi *Gelora Nurani* ini. Selain itu, hasil kajian ini menganalisis kesan

kepengarangan dan pemikiran pengarang dalam kumpulan puisi ini mampu menonjolkan pemikiran pengarang dan wajar dianalisis dari sudut individu, masyarakat dan negara dalam mencari isu-isu utama yang ingin disampaikan hanya melalui puisi dalam masa yang sama dapat mengangkat karya sastra Melayu dengan lebih lengkap dan baik.

Akhir sekali, satu kajian yang bertajuk Alegori Kematian Dalam Puisi *Jenazah Imra'ah* Karya Adunis Kajian Strukturalisme Genetik oleh Fauziyah Kurniawati dan Muhammad Naufal Annabil (2021). Tujuan kaji ini dilakukan adalah untuk mendedahkan alegori kematian dalam puisi Jenazah Imra'ah Adunis berdasarkan perspektif teori strukturalisme genetik oleh Lucien Goldman. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dengan sumber data primer yang berbentuk puisi iaitu puisi Jenazah Imra'ah dan sumber data sekunder berupa buku yang menyokong analisis kajian yang dilaksanakan pengkaji juga telah menggunakan teknik membaca dan mencatat untuk mengumpul data. Bagi mendapatkan data yang betul-betul tepat, pengkaji telah menggunakan teknik pengesahan data dengan menggunakan triangulasi data, ketekunan dalam membaca dan membuat perbincangan iaitu dengan meneroka kefahaman yang berkaitan penyelidikan daripada rakan sekelas dan pensyarah yang pakar dalam bidang yang sama. Dalam menganalisis data, pengkaji telah menggunakan analisis deskriptif yang telah merangkumi pengurangan, pembentangan data dan pengesahan. Hasil daripada kajian ini adalah fakta kemanusiaan disahkan melalui sifat kematian dan refleksi cinta manusia kepada kebaikan dalam kehidupan untuk mencapainya. Melalui kajian ini juga subjek dapat dihuraikan secara kolektif dalam bentuk paradoks makna kematian berdasarkan persepsi peranan dan watak setiap individu. Selain itu, pandangan dunia digambarkan

dalam pengiktirafan kematian dengan ungkapan cinta yang mengerakkan manusia untuk menjawab semua masalah kehidupan. Struktur karya sastera telah digambarkan dalam bentuk interaksi antara keperibadian watak dengan objek dalam setiap rangkap pantun dan dialektik pemahaman penerangannya telah dirumuskan selaras dengan konsep puisi iaitu pandangan dunia pengarang terhadap pengiktirafan kematian oleh ledakan cinta yang telah mengerakkan manusia menjawab segala masalah hidup yang digunakan untuk menerangkan struktur karya sastera.

2.4 Penutup

Melalui sorotan kajian yang lepas, pengkaji tidak lagi menjumpai kajian berkenaan tentang analisis unsur intrinsik dalam novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor. Pengkaji mendapati tidak banyak lagi kajian yang dibuat daripada novel tersebut berdasarkan kandungan yang terdapat di dalam sesebuah novel. Satu penelitian kurang juga dilakukan oleh pengkaji berkenaan dengan unsur-unsur intrinsik yang merangkumi tema, alur, latar, tokoh, gaya bahasa, sudut pandang dan amanat. Kebanyakan kajian-kajian yang terdahulu hanya melibatkan sebahagian kandungan sahaja atau tidak menyeluruh. Terlalu banyak hal yang perlu diketahui dan difahami oleh masyarakat sekeliling sekiranya hendak menghasilkan sebuah karya seperti novel. Hal ini dikatakan demikian kerana, unsur intrinsik ini adalah satu perkara yang sangat penting dan menjadi satu panduan untuk seseorang menghasilkan sebuah karya yang berkualiti. Di samping itu, teori Strukturalisme juga kurang diaplikasikan dalam kajian-kajian yang lepas kerana teori ini hanya mengetengahkan kepada struktur sesuatu analisis yang hendak dilaksanakan sahaja. Oleh itu, analisis kajian ini dilakukan adalah untuk memperkenalkan atau mendedahkan aspek yang harus ada dalam membuat atau menghasilkan sesuatu karya.

Selain itu juga, kajian ini adalah kajian yang menarik dan relevan untuk dijalankan kerana sedikit sebanyak pengkaji dapat mendedahkan kepada masyarakat di luar sana atas kepentingan adanya unsur intrinsik dalam menghasilkan sesebuah karya sastera. Melalui kajian ini satu teori iaitu teori Strukturalisme telah diterapkan dalam kajian bagi menunjukkan unsur intrinsik berkait rapat atau mempunyai hubungan dengan teori tersebut.

BAB 3

DEFINISI TEORI ATAU PENDEKATAN

3.0 Pengenalan

Teori atau pendekatan ini sangat penting dalam membuat satu bidang kajian. Ia telah dikatakan sebagai asas bagi perkembangan sesuatu ilmu atau perkara. Teori merupakan satu pandangan atau pemikiran yang telah ditafsirkan oleh tokoh-tokoh, para ilmuan dan sebagainya terhadap sesuatu perkara atau topik. Oleh sebab itu, dengan adanya penerapan teori di dalam sesuatu kajian ia akan mendorong analisis kajian tersebut menjadi lebih tepat serta melengkapkan. Menerusi kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori Strukturalisme dan teori ini akan diterangkan dengan lebih terperinci di dalam bab ini.

3.1 Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan satu cara atau kaedah bagi mendapatkan maklumat dan menganalisis kajian yang hendak dijalankan. Melalui metodologi kajian ini, ianya telah memudahkan para pengkaji untuk mendapatkan sesuatu hasil yang boleh menyokong sesuatu kajian berdasarkan aspek yang telah dikaji. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005: 1230) metodologi kajian membawa maksud satu sistem yang telah merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan untuk sesuatu kegiatan atau disiplin. Selain itu, metodologi juga dikenali sebagai sebuah langkah atau kaedah yang sistematik dengan berlakunya penggabungan pendekatan kajian dan data yang akan dianalisis.

Melalui metodolgi kajian ini dapat membantu memahami kajian itu dengan lebih terperinci dan tepat. Ahmad Mazhab Ayob (1985: 19), beliau telah

mentafsirkan kaedah kajian merupakan bagaimana setiap sesuatu objektif atau penyelidikan itu hendak mencapai matlamatnya. Berdasarkan analisis kajian yang telah dijalankan, kaedah kajian iaitu kaedah teks, kajian kepustakaan dan sumber internet telah digunakan oleh pengkaji. Metodologi kajian yang digunakan adalah rekabentuk kajian kualitatif dengan kaedah kajian teks, kajian kepustakaan dan sumber internet.

3.2 Kaedah Kajian

Kaedah kualitatif telah digunakan oleh pengkaji di dalam kajiannya. Kaedah kualitatif ini dipilih oleh pengkaji bagi mengkaji kandungan teks dalam novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor yang meliputi aspek intrinsik seperti tema, latar, plot, gaya bahasa, tokoh, sudut pandangan dan amanat. Pengkaji mendapati kaedah kualitatif ini sesuai dengan kajian yang dibuat. Menurut Robson (2011) reka bentuk kajian kualitatif membangun, berkembang dan wujud seiring dengan kemajua kajian. Kajian kualitatif adalah kajian yang berkaitan persoalan atau pernyataan bukan hipotesis. Kajian kualitatif pada kebiasaannya menggunakan persoalan seperti apa, bagaimana dan mengapa. Dalam kaedah kajian kualitatif ini ada beberapa kaedah yang boleh digunakan. Antara kaedah tersebut ialah kaedah pengumpulan data, kaedah kepustakaan, kaedah analisis teks, kaedah internet yang turut menggunakan teori-teori yang bersesuaian dengan kajian.

3.2.1 Kaedah Kepustakaan

Dalam kaedah kajian kualitatif pengkaji telah menggunakan kaedah perpustakaan. Kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang melibatkan pencarian dan pembacaan di perpustakaan. Pengkaji membuat penelitian dengan mencari maklumat atau bahan-bahan bacaan yang bersesuaian dengan kajian yang dibuat. Pengkaji mencari maklumat dengan merujuk segala bahan-bahan yang berbentuk buku, majalah, jurnal dan sebagainya yang berkaitan dengan kajian. Bahan-bahan yang diperoleh adalah dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan.

3.2.2 Analisis Teks

Seterusnya, pengkaji menggunakan kaedah analisis teks. Teks yang telah digunakan oleh pengkaji ialah sebuah teks novel yang bertajuk *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor. Hal ini bagi mengenalpasti dan menganalisis aspek kajian pengkaji iaitu unsur intrinsik yang terdapat dalam kandungan teks *Di Sebalik Dinara*. Novel ini ditulis oleh Dayang Noor atau nama sebenarnya Noor Aziza pada tahun 2012. Ianya diterbitkan oleh UTM dan Utusan Publications. Novel ini telah berjaya dipilih dalam Komponen sastera (KOMSAS) kerana mempunyai tema yang menarik iaitu fiksyen spekulasi berlatar belakang sains dan teknologi.

3.2.3 Sumber Internet

Akhir sekali, pengkaji juga telah menggunakan kaedah internet sebagai mencari maklumat tambahan bagi menyempurnakan kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah ini sebagai satu kesenangan bagi pencarian bahan atau

nota tambahan serta dapat menjimatkan masa. Melalui kaedah ini, pengkaji mendapati terdapat kajian-kajian lepas atau sumber rujukan yang tepat bagi melengkapkan kajian ini.

3.2.4 Teori Strukturalisme

Teori Strukturalisme adalah satu teori yang cukup luas dan melibatkan banyak ahli sastera serta telah mempengaruhi hampir sebahagian bidang ilmu. Teori Strukturalisme telah wujud dan mula dikenali di Perancis melalui Claude Levi-Strauss. K. M. Newton (1997:83) merupakan pengasas teori ini dan merupakan seorang ahli antropologi yang telah mengaplikasikan Strukturalisme Liguistik Saussure di dalam kajiannya terhadap peraturan pemakanan, perhubungan kekeluargaan dan fenomena mitos. Perbincangan berkaitan dengan strukturalisme ini mengambil masa yang lama kerana ia mempunyai kaitan dengan banyak unsur dalam kehidupan sastera. Strukturalisme ini juga dikatakan sebagai metodologi dengan implikasi ideologi yang menjadikan semua sains bersatu atau berkumpul ke satu sistem kepercayaan yang baharu.

Teori Strukturalisme telah berkembang dengan meluas iaitu bermula pada tahun 1960-an yang pada ketika itu sebagai satu jalan atau usaha bagi menerapkan kaedah dan satu matlamat Ferdinand de Saussure iaitu pengasas linguistik moden kepada kesusasteraan (Terrybagi Eagleton, 1983: 106). Terdapat juga pendapat bahawa teori ini sangat berpengaruh bagi menggantikan pandangan positif atas kaedah analisis yang berasaskan empirikal (K. M. Newton, 1997: 86). Pada tahun 1857 sehingga 1913 terdapat seorang ahli falsafah Swiss percaya bahawa bahasa mempunyai unsur dalamannya yang tersendiri dan terdapat peraturan-peraturan yang sistematik (Bresster Charles E, 1999: 89).

Peraturan ini bertujuan untuk mengawal dan menggerakkan semua aspek bahasa termasuk bunyi yang dikenal pasti sangat bermakna, pelbagai gabungan bunyi yang membentuk perkataan dan bagaimana perkataan digunakan untuk menghasilkan hubungan bermakna dalam bahasa sedia ada.

Selain itu, teori Strukturalisme ialah percubaan untuk memasukkan teori linguistik ke dalam objek dan aktiviti lain selain daripada bahasa itu sendiri. Satu perbandingan atau perbezaan telah dibuat oleh Saussure antara *langue* dan *parole*. Maksud *langue* adalah aspek sosial bahasa manakala bagi *parole* pula merupakan realiti pengguna bahasa sebenar. Pemisahan bagi kedua-dua istilah ini telah menjadi isu penting untuk semua teori Strukturalisme masa depan (Raman Selden & Peter Widdowson 1997: 67). Di samping itu juga, Strukturalisme mengandungi nilai-nilai tertentu yang dapat dilihat dengan jelas dalam respon ahli struktur terhadap masalah epistemologi terutamanya dalam hubungan subjek manusia dengan sistem persepsi dan bahasanya sendiri serta dengan dunia objektif (Scholes, 1977: 2).

Merujuk kepada pernyataan ini, teori Strukturalisme boleh ditafsirkan sebagai teori yang memfokuskan kepada perkara dalaman yang telah membentuk kerangka atau struktur sesebuah teks. Struktur sesebuah teks ini merangkumi tema, plot, perwatakan, bahasa, latar dan sudut pandang (Mana Sikana. 1983:82-83). Teori ini sangat sesuai digunakan bagi genre seperti novel, cerpen dan drama. Dalam konteks ini, bercakap tentang struktur karya sastera sebagai organisma hidup mesti terlebih dahulu memahami struktur cerita sebagai fakta sastera. Pada bahagian-bahagian episod dalam cerita diungkapkan satu persatu sebagai satu karya sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap elemen dalam cerita mempunyai peranan yang tersendiri yang mengabungkan

keseluruhan cerita itu. Sesuatu karya sastera menjadi tidak lengkap sekiranya unsur struktur cerita tidak diungkapkan mengikut fungsinya.

3.3 Penutup

Teori Strukturalisme tidak mengaitkan pada bahagian pengarang atau perkara-perkara lain yang berkaitan di luar teks. Makna teks semuanya berpandukan pada keseluruhan sistem dan struktur teks itu sendiri. Oleh itu, teori ini hanya tertumpu kepada aspek-aspek bentuk dan struktur dalaman sahaja yang saling berhubung antara satu sama lain. Hubungan antara unsur intrinsik dan teori inilah yang menentukan makna, keindahan dan keistimewaan sesuatu teks tersebut.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Menerusi bab ini pengkaji akan membincangkan unsur-unsur intrinsik menerusi tema, plot, watak dan perwatakan, latar, gaya bahasa, sudut pandang dan amanat. Unsur intrinsik ini telah dapat difahami sebagai satu elemen yang menitikberatkan perkara-perkara dalaman yang akan membentuk rangka atau struktur dalam sesebuah karya. Pengkaji telah memilih novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor untuk membincangkan unsur-unsur intrinsik yang terdapat dalam karya tersebut dengan lebih jelas dan terperinci. Penganalisan ini dengan menerapkan teori strukturalisme bagi meneliti unsur-unsur intrinsik yang terkandung dalam novel tersebut. Dalam karya fiksiyen, untuk menjadi sebuah cerita yang lengkap dan sebuah karya yang berkualiti tinggi elemen binaan diperlukan. Semua karya fiksiyen sebenarnya akan memperlihatkan keadaan dunia melalui kata-kata sehingga dapat digambarkan unsur-unsur binaan melalui kata-kata ciptaan pengarang. Unsur binaan dalam sesebuah novel telah dikelompokkan kepada dua bahagian iaitu unsur intrinsik dan unsur ekstrinsik. Namun, dalam analisis kajian ini pengkaji hanya menerangkan berkenaan unsur-unsur intrinsik sahaja. Secara keseluruhannya, kajian ini pengkaji akan menerangkan unsur-unsur intrinsik bagi penghasilan kepengarangan Dayang Noor dalam karya novel *Di Sebalik Dinara* ini.

4.1 Unsur-unsur Intrinsik Dalam Novel *Di Sebalik Dinara* Dengan Mengaplikasikan Teori Strukturalisme.

4.1.1 Tema

Secara umumnya, tema merupakan satu gagasan yang mendukung karya sastera dan bersifat abstrak yang telah berulang kali diangkat melalui unsur intrinsik secara tersirat. Dalam mencari adanya kewujudan sesuatu tema dalam sesebuah novel, ia perlu disimpulkan daripada keseluruhan cerita bukan sahaja pada bahagian yang tertentu. Tema ini sifatnya seolah-olah tersembunyi kerana terlalu abstrak untuk ditemui. Namun, tema ini boleh didapati dan dikesan pada ayat atau perenggan tertentu yang telah menyatakan dengan jelas tema utama novel tersebut. Pada kebiasaannya, tema ini boleh dikategorikan menjadi sosial, sejarah, pengembaraan, cinta dan lain-lain. Tema dalam karya novel secara umumnya pasti akan ada menimbulkan masalah kehidupan tertentu yang bersifat universal. Perkara yang dimaksudkan adalah tema ini adalah sesuatu perkara yang telah berlaku dan akan berlaku oleh semua orang di mana-mana bahagian dunia. Hal ini telah menunjukkan bahawa tema ini merupakan salah satu unsur intrinsik yang menarik untuk diteliti. Kamus Kesusasteraan (2021: 364) mendefinisikan tema seperti berikut,

Mesej utama yang terkandung dalam sesebuah karya termasuk novel, cerpen, drama dan puisi. Tema jarang diungkapkan secara langsung tetapi diekspresikan melalui imej yang berulang-ulang, mengandungi aksi, watak dan lambang serta harus ditafsirkan oleh pembaca atau khalayak. Tema berbeza dengan subjek (topik atau perkara yang ingin diperkatakan). Tema merupakan komen, pemerhatian dan telahan tentang subjek. Tema dalam bahasa Yunani bermaksud 'cadangan' atau 'letak'.

Berdasarkan petikan di atas, dapat dijelaskan tema tidak boleh dilihat dengan mata kasar dan ianya bersifat tersirat. Adakalanya tema dalam sesebuah karya sastera boleh menjadi sesuatu perkara yang tidak dinyatakan

dengan jelas dan terperinci. Hal ini dikatakan demikian, pengkarya dengan sengaja ingin membuatkan pembaca bertanya-tanya dan seterusnya akan menarik minat pembaca untuk membaca dan memahami jalan cerita sesuatu karya tersebut. Menurut Siti Aishah Mat Ali (1991:95) tema ini merupakan idea yang utama di dalam sesebuah cerita. Idea utama dan pusat persoalan dilihat hampir sama jika dilihat dari sudut maksudnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat hubungkait antara tema dan persoalan dalam sesuatu karya kerana ianya merupakan salah satu elemen sastera yang kedua-duanya menyampaikan maksud yang lebih kurang sama. Sebagai contoh, jika tema bagi sesuatu karya itu tema keagamaan maka persoalan yang boleh dikaitkan dan dikeluarkan adalah merujuk kepada sifat keagamaan. Bagi Harun Mat Piah (2003:90) pula, tema dilihat kepada pusat persoalan yang berhubung kait dengan mesej ataupun amanat yang hendak disampaikan.

Setiap karya penulisan seperti novel, cerpen pastinya perlu mempunyai idea awal dengan bingkai yang dipanggil tema. Semua karya boleh dihasilkan dengan terdapatnya idea utama atau tanggapan asas yang kemudiannya dibina menjadi kerangka sehingga dapat menghasilkan sebuah karya yang lengkap. Idea utama ini penting dan perkara asas yang perlu diketahui untuk menghasilkan sesuatu karya. Tema atau idea utama ini sering dikatakan mempunyai maksud yang sama tetapi terdapat sedikit perbezaan namun tidak ketara atau jelas. Tema ini adalah perkara yang telah ditentukan dan menjadi petunjuk untuk mengetahui cerita yang ingin disampaikan oleh pengkarya dalam karya yang ingin dihasilkan. Idea pula sifatnya lebih luas dan merangkumi semua perkara yang boleh difikirkan. Kadangkala, idea ini muncul dalam masa yang singkat dan bila-bila

masa sahaja idea itu akan datang. Jika idea tersebut tidak diambil perhatian dan tidak direkodkan maka idea tersebut boleh hilang dengan cepat.

ShIPLEY dalam *Dictionary Of World Literature* (1962:417) telah membahagikan tema kepada lima jenis iaitu tema organik, tema jasmaniah, tema ketuhanan, tema sosial dan yang terakhir adalah tema egoik. Tema organik adalah tema yang mempunyai hubungkait dengan moral manusia tetapi melihat sedikit dalam hubungan antara lelaki dengan wanita secara sosial, menyampaikan nasihat dan berbagai-bagai lagi. Tema ini hanya memfokuskan kepada akhlak yang sifat fizikalnya berkait dengan perasaan antara manusia tetapi tidak menyeluruh secara struktur pada peringkat sistem yang lebih luas. Tema ini kebiasaannya terdapat dalam karya yang menyentuh tentang hubungan moral antara lelaki dan wanita. Sebagai contoh, di dalam karya tersebut ada mengisahkan atau menceritakan hubungan yang tidak elok berlaku antara lelaki dan wanita. Karya-karya yang terdapat unsur-unsur seperti itu sesuai mengkritik hubungan tersebut dengan menggunakan tema organik dan seterusnya dapat memberikan nasihat dan pengajaran kepada pembaca.

Seterusnya adalah tema jasmani. Tema jasmani merupakan tema yang mempunyai hubungkait dan memberi fokus kepada permasalahan keadaan fizikal manusia. Kebiasaannya ianya berkaitan dengan beberapa perkara yang terdapat pada tubuh manusia seperti zat, molekul, jasad, perasaan dan fikiran. Perkara ini sudah tentu berbeza jika hendak dibandingkan dengan moral walaupun terdapat sedikit unsur perasaan dan fikiran yang berkaitan dengan jasad. Karya yang berkait dengan hati iaitu perasaan cinta juga boleh dijadikan contoh kepada tema jasmani. Walaubagaimanapun, ianya tetap tertumpu pada tubuh setiap orang. Sebagai contoh, di dalam karya terdapat kisah seseorang

yang mengalami kesakitan atau masalah fizikal sehingga berlakunya keterbatasan fizikal yang boleh mengganggu keadaan emosi. Jadi, jelas bahawa tema jasmani ini sesuai digunakan di dalam karya yang berkaitan dengan emosi dan perasan pembaca supaya dapat menarik minat pembaca untuk mendalami sesuatu karya tersebut.

Selain itu, terdapat juga tema ketuhanan iaitu tema yang berkait rapat dengan kekuasaan tuhan yang maha Esa. Pemikiran ini amat mudah untuk diperhatikan dan difahami oleh semua lapisan masyarakat. Tema ketuhanan ini adalah ungkapan yang dihasilkan melalui hubungan rohani iaitu jiwa manusia dengan Tuhan atau keadaan jiwa manusia dan kecenderungan rohani. Masyarakat lebih banyak menggunakan karya yang bertemakan ketuhanan ini dalam bidang kehidupannya, seni, pendidikan malah dalam pengurusan yang lebih luas seperti ruang lingkup negara. Namun, kini tema ketuhanan di dalam sesebuah karya dijadikan panduan dalam kehidupan sepanjang hayat. Tema ketuhanan ini biasanya dilihat oleh pengarang dengan menunjukkan berbagai-bagai perkara ajaib yang berada di luar pemikiran manusia seperti kiamat, keajaiban penyembuhan penyakit dan sebagainya. Tema ini dapat dilihat dalam novel *Alkudus*. Berdasarkan novel tersebut terdapat firman-firman Tuhan yang mengisahkan berkenaan riwayat dan cara kehidupan umat-umat terdahulu dalam agama Kaib. Selain itu, di dalam novel tersebut ada juga menghuraikan tentang aturan dan hukum yang telah ditetapkan oleh Tuhan kepada setiap umat agama Kaib yang perlu dipatuhi. Terdapat 24 bab dalam novel *Alkudus* ini yang mana setiap bab menceritakan tentang nabi-nabi yang telah diutus oleh Tuhan kepada umatnya yang berbeza-beza.

Di samping itu, terdapat juga tema sosial. Tema sosial secara umumnya berkait rapat dengan masalah atau isu-isu yang menyetengahkan dengan urusan sosial. Berdasarkan tema ini, pengarang akan menceritakan atau menjelaskan pelbagai perkara atau hal yang berkaitan dengan urusan kehidupan seharian masyarakat, interaksi sesama manusia dalam lingkungan masyarakat di sekitarnya, permasalahan sosial yang berlaku dan pelbagai isu lain lagi. Karya yang menceritakan berkenaan hal-hal kehidupan manusia juga sesuai diangkat sebagai tema sosial. Sebagai contoh berdasarkan novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad. Novel ini mempunyai 24 bab yang menceritakan tentang kehidupan seharian sebagai keluarga petani sawah yang berhadapan dengan kemiskinan dan perjuangan. Isu kemiskinan ini telah sebatikan dalam diri pengarang menyebabkan beliau mampu menerangkan kisah-kisah tersebut di dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* dengan teliti. Pengarang telah membawa pembaca untuk merasai dan menghayati dengan mendalam setiap keperitan dan kesengsaraan yang berlaku dalam keluarga petani tersebut. Novel ini telah bermain dengan emosi pembaca untuk sedar dan insaf melalui kehidupan golongan petani dahulu yang berjuang mencari sesuap nasi untuk diri sendiri dan mengubah kehidupan yang lebih baik.

Tema yang terakhir adalah tema egoik. Tema egoik merupakan tema yang mempunyai hubungan dengan sifat ego manusia. Berdasarkan tema ini pengarang kebiasaannya mengemukakan tema dalam pelbagai-bagai bentuk cerita seperti ketamakan dan keegoaan manusia. Kebanyakan pengarang akan memperlihatkan watak yang bersikap negatif seperti tamak, sombong, angkuh terhadap perebutan kuasa dan harta. Tema ini boleh dilihat berdasarkan contoh drama *Hasrat Tersirat* yang merupakan drama kedua Singapura yang

ditayangkan di Malaysia. Pengarah drama iaitu Nasir Kamsan, Shannon Berkett dan Azroy Sultan mengisahkan drama ini tentang sebuah keluarga yang kaya raya di mana harta arwah bapanya sudah diberikan kepada setiap ahli keluarganya. Namun, terdapat konflik dan berlakunya pecah belah antara keluarga kerana terdapat banyak pihak yang tidak bersetuju atas pembahagian harta pusaka tersebut. Situasi tersebut telah menimbulkan berlakunya isu perebutan harta antara semua pihak kerana lahirnya sikap tidak puas hati terhadap harta yang telah diwasiatkan oleh arwah bapanya. Jelaslah bahawa, tema ini sesuai diangkat sebagai tema egoik yang mengisahkan isu perebutan harta pusaka antara ahli keluarga.

Perubahan tema boleh terjadi mengikut jenis-jenis karya itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap pengarang bebas untuk berkarya dan membentuk karya tersebut mengikut perkara yang ingin disampaikan kepada para pembaca. Berdasarkan tema ini juga pembaca dapat mengesan keseluruhan konsep cerita sehingga menarik minat mereka untuk membaca dari muka surat yang pertama sehingga muka surat yang terakhir. Pembaca akan sukar untuk membuat kesimpulan keseluruhan sesuatu karya itu sekiranya pembaca tidak dapat mengetahui tema yang ingin disampaikan oleh pengarang secara jelas. Oleh itu, dengan tema ini juga pembaca dapat membayangkan kandungan cerita yang ingin disampaikan oleh pengarang dengan cepat. Perkara ini boleh dilihat dalam contoh petikan dalam novel *Di Sebalik Dinara*:

“Kerana dia taksub dengan sains, dia mahu korbankan Isha demi sains”.

(Dayang Noor, 2012: 180)

Berdasarkan petikan di atas jelas menunjukkan tema menerusi novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor ini, tema persaingan dalam dunia sains dapat

dilihat dalam penciptaan sains dan teknologi sehingga menghapuskan nilai kemanusiaan. Permulaan kisah novel ini menerusi watak utama iaitu Farisha seorang gadis genius. Beliau telah menaiki kapal terbang daripada Nusa Jaya untuk ke Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA). Ketika dalam penerbangan tersebut, Farisha telah berkenalan dengan seorang pemudah bernama Aqram. Aqram ini dalam diam telah mengambil sampel darah atau *deoxyribonucleic acid* (DNA) untuk diuji. Setelah Farisha sampai ke apartmennya, dia gagal membuka pintu rumahnya dengan mengimbas kad pintar miliknya. Abang Farisha iaitu Azraai telah menukar sistem keselamatan rumahnya kepada "*Retinal scanner*". perkara ini demi keselamatan Farisha dan Shida yang merupakan rakan serumahnya selepas telah berlaku kes pembunuhan di kawasan rumah Farisha.

Aqram telah menjemput Farisha dan Rosman ke sebuah simposium yang telah dirasmikan oleh Phillips Young iaitu Presiden Persatuan Penggodam Antarabangsa. Aqram telah menawarkan sebuah projek mini kepada Farisha dan Rosman. Pada masa yang sama Aqram telah berjaya menerobos fikiran Farisha dengan menggunakan sebatang pen berwarna perak yang merupakan sebuah alat bernama "penetrator". Alat tersebut membantu Aqram untuk mengumpul segala maklumat dari fikiran Farisha. Selepas beberapa hari, Farisha telah bersetuju untuk bekerjasama dengan projek mini yang telah ditawarkan oleh Aqram itu. Aqram telah memperkenalkan kepada Farisha dan Rosman dengan Dr. Maxi di rumah kepunyaan Karl. Dr. Maxi telah menawarkan RM1.5 juta kepada Farisha dan Rosman untuk menggodam tiga kelompok komputer Soft Lab dalam tempoh empat minggu. Projek Dinara di Soft Lab terpaksa dihentikan serta-merta kerana Karl telah terlantar sakit akibat barah usus. Seterusnya, yang mengetuai Projek Dinara adalah Dr. Maxi.

Shida pula ditugaskan oleh Soft Lab untuk menulis rencana manakala Farisha ditugaskan untuk menggodam dan mengukuhkan sistem Dinara. Dr.Maxi telah mempunyai rancangan untuk menjadikan Shida sebagai pelan sandaran yang terakhir. Rosman tidak dapat bersama dengan Farisha kerana perlu menguruskan projek lain di Senawang. Keesokan harinya, Farisha telah dipukau oleh Alia kerana arahan daripada Dr.Maxi. Alia telah berhubung dengan Karl untuk meminta pertolongan Farisha bagi menyelamatkan Dinara yang dalam keadaan bawah sedar. Terdapat seorang pekerja di Soft Lab yang bernama Medina tiba-tiba menghilangkan diri dan perkara tersebut telah menjadi tanda tanya kepada Shida. Di dalam badan Farisha telah dimasukkan cip yang berfungsi sebagai alat berhubung terus bersama dengan Karl. Semua perbualan yang dibuat oleh Farisha dengan Karl dapat dilihat oleh Dr.Maxi, Aqram dan Khairul Anwar. Sejak daripada itu, kesihatan Farisha kurang stabil dan mengalami sakit kepala. Farisha membuat keputusan untuk pulang ke rumah.

Farisha telah diundang oleh abangnya iaitu Azraai untuk makan malam di rumahnya. Azraai telah memberitahu kepada Farisha bahawa abangnya telah mengalami sakit jantung. Azraai juga berterus terang kepada Farisha bahawa Farisha adalah anak angkat di dalam keluarga Azraai. Farisha berasa sedih dan tidak dapat menerima hakikat tersebut. Pada keesokan harinya Farisha pengsan di Soft Lab dan Aqram bertanyakan penyakit yang dihadapi oleh Farisha kepada Shida. Farid dan Amin telah menggunakan peranti ke atas Farisha untuk mendapatkan maklumat dalam fikiran Farisha sewaktu di hospital. Kesihatan Farisha tidak memuaskan dan Dr.Maxi mengarahkan Aqram untuk menyediakan Shida sebagai pengganti Farisha. Hari yang seterusnya, Shida menjalani sesi

bawah sedar untuk berkomunikasi dengan Karl tetapi tetapi telah dihentikan oleh Dr. Maxi setelah terdapat tindak balas yang positif.

Farisha telah dihubungi oleh ibunya di bawah sedar. Di hospital, Azraai telah menceritakan kepada Farisha tentang ibu kandungnya. Di Soft Lab, Shida berhubung dengan Karl di bawah sedar dan Karl telah mengarahkan Farisha untuk di bawa ke situ kerana virus yang dimasukkan ke dalam Dinara akan diaktifkan untuk memusnahkan Dinara serta ribuan manusia. Farisha telah diculik semasa dalam perjalanan ke Kulai. Rosman dan Azraai tiba di Soft Lab. Keadaan menjadi tegang apabila Aqram merayu kepada Dr. Maxi untuk mengembalikan Shida. Marilyn telah menceritakan perkara sebenar kepada Farisha. Karl telah berusaha untuk menghapuskan virus dalam Dinara walaupun keadaan Karl semakin merosot. Kedatangan Marilyn di Soft Lab telah membongkarkan segala persoalan. Akhirnya Karl mati dan mayatnya dibakar. Namun, Aqram mendapati terdapat perkara yang tidak kena dalam diri Shida dan berpendapat Karl masih ada dalam diri Shida.

Seiring dengan penggunaan teori Strukturalisme, teori ini mengetengahkan aspek dalaman yang terdapat dalam karya atau genre. Berdasarkan tema novel *Di Sebalik Dinara* ini amat jelas bahawa tema itu penting untuk menyimpulkan keseluruhan sesuatu cerita dalam karya. Hal ini dikatakan demikian kerana pembaca hanya ingin mengetahui tema sahaja untuk mengetahui keseluruhan cerita sebelum membacanya. Tema yang bagus akan membuatkan pembaca mudah faham dan minat untuk membaca karya tersebut. Tema yang bagus juga akan membuatkan pembaca menjiwai setiap watak-watak yang terdapat dalam karya tersebut. Maka, jelaslah di sini menerusi novel *Di Sebalik Dinara* telah

memaparkan tema persaingan dalam dunia sains yang memaparkan penciptaan sains dan teknologi sehingga menghapuskan nilai kemanusiaan.

4.1.2 Plot


Plot juga merupakan unsur intrinsik dalam sesebuah karya atau cerita. Plot adalah sebuah struktur rangkaian kejadian-kejadian dalam sebuah cerita yang disusun sebagai urutan bahagian-bahagian dalam keseluruhan fiksi atau cerpen. Plot menyusun peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam cerita itu dan setiap peristiwa tersebut berkait rapat dengan satu sama lain, bagaimana suatu peristiwa mempunyai hubungan dengan peristiwa itu serta bagaimana watak digambarkan dan berperanan dalam peristiwa itu. Plot ini unsur-unsur yang membangun cerita sehingga menjadi kerangka utama cerita yang hendak dihasilkan oleh pengkarya. Plot merupakan satu komponen asas cerita yang penting selain dari watak, tema, latar dan gaya. Perrine (1974: 41) dalam bukunya *Literature: Structure, Sound and Sense* menjelaskan bahawa:

Plot is the sequence of incident or events which the story is composed and it may conclude what character says or thinks, as well as what he does, but it leaves out description and analysis and concentrate ordinarily on major happening.

Berdasarkan petikan di atas, plot boleh disimpulkan sebagai satu susunan kerangka peristiwa yang dibuat oleh pengarang untuk memberi gambaran fikiran yang dibawa oleh watak serta perkara yang dilakukan dalam cerita tersebut. Terdapat juga analisis dan penerangan yang ditinggalkan dan pada kebiasaannya ditumpukan kepada kejadian besar. Melalui plot ini akan memudahkan pengarang untuk mengembangkan jalan penceritaan yang hendak dihasilkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, peristiwa-peristiwa penting dalam sesebuah penceritaan akan dimasukkan dalam plot cerita. Plot boleh dijadikan

sebagai satu panduan atau rujukan oleh pengarang untuk menghasilkan karya yang berkualiti.

Selain itu, Kamus Kesusasteraan (2012: 288) mendefinisikan plot adalah jalan cerita atau susunan peristiwa dalam sesebuah karya mengikut hukum sebab dan akibat. Plot biasanya ditemui dalam karya sastera seperti novel, drama dan teater. Susunan episod dalam plot tidak semestinya mengikut urutan yang bersifat kronologi. Struktur plot yang konvensional mengandungi eksposisi, komplikasi dan resolusi. Eksposisi ialah bahagian awal yang memperkenalkan setiap watak. Hubungan dan kerencaman watak tersebut menimbulkan konflik, sama ada antara watak atau dalam diri watak itu sendiri. Klimaks ialah tahap pertengahan cerita yang mengembangkan konflik dan mengakibatkan ketegangan, kejutan dan muslihat sehingga mencapai tahap klimaks iaitu titik tumpuan cerita. Resolusi pula merupakan bahagian akhir yang memberi peleraian sesebuah plot.



Rajah 2 : Piramid Freytag

Rajah 2 di atas adalah piramid freytag yang memaparkan sebuah plot dalam penceritaan itu bersifat konvensional. Namun tidak semua naratif memperlihatkan struktur plot yang konvensional. Plot yang tidak konvensional tidak bersifat kronologi. Oleh itu, plot itu tidak mengikut rentetan eksposisi, komplikasi dan resolusi. Contohnya, ada naratif yang plotnya langsung tidak memberikan resolusi, malah ada naratif yang tidak mempunyai plot yang jelas. Contoh novel yang memperlihatkan plot yang konvensional ialah *Hikayat Faridah Hanum* oleh Syed Syeikh al-Hadi dan novel *Sangeetha* oleh Azizi Haji Abdullah, sementara novel *Daerah Zeni* oleh A. Samad Said memperlihatkan plot yang bukan konvensional.

Terdapat beberapa unsur yang perlu ada dalam plot iaitu permulaan, perkembangan, klimaks dan peleraian. Pada peringkat permulaan pengarang akan memperkenalkan watak utama, tema, latar atau persoalan dalam cerita tersebut. Terdapat sedikit perkenalan kepada beberapa peristiwa dan hubungan antara watak dengan watak lain yang terdapat dalam bahagian awal cerita. Pada bahagian perkembangan pula, pengarang akan mewujudkan bahagian-bahagian cerita yang boleh menimbulkan sesuatu permasalahan. Perkembangan konflik akan berlaku yang akan mengakibatkan berlakunya ketegangan, kejutan dan muslihat sehingga mencapainya tahap klimaks. Pembaca akan berasa teruju dan ingin mengetahui peristiwa seterusnya yang akan berlaku dalam cerita tersebut. Seterusnya pada bahagian klimaks ini akan mengalami tahap paling tinggi bagi pembaca apabila terdapat peristiwa sapsen dan cemas. Klimaks ini merujuk kepada titik terakhir yang memaparkan tanda perubahan atau peralihan sama ada yang baik kepada buruk atau sebaliknya. Bagi peleraian pula, pada

kebiasaannya konflik antara watak pratagonis dan antagonis akan menemukan jalan penyelesaiannya.

A) Permulaan

Berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*, pengarang pastinya akan membina plot cerita bagi merangka peristiwa-peristiwa yang akan berlaku dalam karya tersebut. Pada bahagian permulaan ini, pengarang akan memberikan gambaran berkenaan dengan watak utama dan watak-watak sampingan yang berperanan dalam cerita tersebut. Pembaca akan mengenali watak-watak tersebut, tempat berlakunya peristiwa dan suasana yang hendak dibangunkan oleh pengarang dalam permulaan cerita. Terdapat beberapa gambaran peristiwa yang dikemukakan oleh pengarang pada bahagian permulaan cerita ini. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi novel *Di sebalik Dinara*:

Farisha berjalan susup-sasap untuk melepasi selautan manusia yang memenuhi balai berlepas Lapangan Terbang Senai. Beg beroda seberat hampir lima kilogram diheret sama. Pengumuman tentang penerbangan seterusnya Kuala Lumpur sedang berkumandang.

(Dayang Noor, 2012: 1)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang telah menceritakan permulaan cerita novel *Di Sebalik Dinara*. Farisha berada di Lapangan Terbang Senai untuk ke Kuala Lumpur selepas terlibat dengan mesyuarat di Nusa Jaya dan mengambil penerbangan paling akhir. Semasa dalam penerbangan Farisha telah berkenalan dengan Aqram. Aqram secara rahsia telah menguji DNA Farisha. Aqram juga telah berjaya menerobos fikiran Farisha menggunakan *penetrator* tetapi pendinding "WALL" yang dimiliki oleh Farisha mampu menangkis segala yang dikumpul dalam ingatan Aqram. Apabila Farisha sampai di apartmennya, Farisha

mendapati kunci rumahnya telah ditukar kepada sistem yang lebih canggih iaitu “retinal scanner” oleh abangnya Azraai. Aqram telah menawarkan projek mini kepada Farisha dan Rosman serta Dr. Maxi telah menawarkan RM 1.5 juta kepada mereka untuk menggodam tiga kelompok komputer Soft Lab dalam tempoh empat minggu. Jelas di sini, terdapat beberapa persoalan yang telah dimasukkan oleh pengarang dalam permulaan cerita.

Seiring dengan pengaplikasian teori Strukturalisme yang digunakan oleh pengkaji dalam analisis kajian ini, plot pada bahagian permulaan ini merupakan aspek dalaman yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Permulaan cerita ini bermula apabila Farisha telah mengambil penerbangan paling awal dari Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) ke Johor Bahru bagi menghadiri mesyuarat di Nusa Jaya. Semasa penerbangan tersebut Farisha telah berkenalan dengan jejaka muda iaitu Aqram. Keesokan harinya, ketika menghadiri satu simposium di Hotel Renaissance, Farisha bertemu kembali dengan Aqram. Aqram telah menawarkan Farisha dan pembantunya iaitu Rosman satu projek mini. Selain itu jua, Dr. Maxi yang telah diperkenalkan oleh Aqram telah menawarkan RM 1.4 juta kepada Farisha dan Rosman untuk menggodam tiga kelompok komputer Soft Lab dalam tempoh empat minggu. Oleh itu, plot merupakan salah satu aspek yang penting dalam penghasilan sebuah karya cerita seperti novel ini.

B) Perkembangan

Berdasarkan plot cerita terdapat perkembangan cerita. Perkembangan cerita ini pengkarya akan menceritakan peristiwa atau bahagian-bahagian cerita yang boleh menimbulkan sesuatu permasalahan. Jalan cerita akan nampak semakin

berkembang dan telah wujudnya watak-watak lain. Banyak peristiwa-peristiwa yang berlaku dan berkait antara watak utama dan watak sampingan yang baru. Pengarang mewujudkan bahagian perkembangan ini dalam cerita atas tujuan untuk menimbulkan perasaan teruja pembaca dengan peristiwa-peristiwa yang hendak disampaikan oleh pengarang. Pembaca akan rasa ingin ambil tahu setiap perjalanan cerita tersebut sehingga ke akhirnya. Perkara ini boleh dilihat melalui novel *Di Sebalik Dinara*:

Aqram membawanya ke bilik keselamatan untuk mendaftar cap jari dan retina mata untuk membolehkannya mengakses tempat-tempat tertentu di bangunan Soft Lab. Sistem keselamatan di situ agak canggih pada pandangan Farisha.

(Dayang Noor. 2012: 67)

Melalui petikan Di atas, pengarang menceritakan perjalanan cerita perkembangan novel *Di Sebalik Dinara*. Farisha dan Shida telah mula bekerja di Soft Lab. Syarikat Soft Lab telah meminta Farisha menggodam dan mengukuhkan sistem dinara. Dalam keadaan bawah sedar, Alia telah berkomunikasi dengan Karl yang meminta pertolongan Farisha untuk menyelamatkan dinara. Selain itu, Farisha juga terkejut apabila mendapat tahu abangnya Azraai terkena serangan jantung dan menerima berita bahawa dia adalah anak angkat dalam keluarga Azraai. Semasa di Soft Lab Farisha telah pengsan dan dimasukkan ke hospital. Dr. Maxi bersedia untuk menggunakan plan B iaitu menyediakan Shida sebagai pengganti Farisha.

Pengkaji juga mengaplikasikan teori strukturalisme dalam kajiannya. Plot merupakan aspek dalaman yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Pada bahagian perkembangan ini, pengkaji telah mengembangkan cerita tentang apa yang terjadi pada watak utama dan munculnya watak-watak sampingan yang baharu. Berdasarkan novel tersebut dilihat Farisha telah mula bekerja di Soft Lab

dan Farisha diminta untuk menggodam dan mengukuhkan sistem dinara. Pada bahagian ini juga pengarang telah mewujudkan peristiwa di mana abangnya Azraai telah berterus terang bahawa dia terkena serangan jantung dan Farisha sebenarnya merupakan anak angkat kepada keluarga Azraai. Oleh itu, plot bahagian perkembangan ini merupakan aspek dalaman yang diketengahkan oleh pengarang dalam penghasilan novel ini.

C) Klimaks

Klimaks tergolong dalam plot cerita yang merupakan rangka sesuatu cerita dalam karya yang dihasilkan oleh pengarang. Pada bahagian klimaks ini pengarang akan mengetengahkan puncak segala masalah-masalah yang dihadapi oleh watak-watak dalam karya tersebut. Pengarang akan meletakkan permasalahan secara datang bertubi-tubi kepada watak utama atau watak sampingan lain. Klimaks juga dikatakan tahap paling tinggi pembaca akan mengalami atau merasakan detik saspens dan cemas. Ia akan menjadi titik puncak yang menjadi tanda perubahan atau peralihan sama ada daripada baik kepada buruk atau sebaliknya yang berkait rapat dengan watak protagonis. Bahagian klimaks ini boleh dilihat berdasarkan dalam novel *Di Sebalik Dinara*:

“Bangunlah sayang, ini *mummy*,” suara itu berkali-kali mengejutkannya.

“*Mummy* ada di sini,”suara itu lagi. Sayup-sayup kedengaran tetapi jelas biji butirnya.

(Dayang Noor, 2012: 169)

Berdasarkan petikan di atas, semasa keadaan Farisha masih tidak sedar, Farisha telah berkomunikasi dengan seseorang yang menyebut dirinya sebagai *mummy*. Wanita itu telah mengatakan dirinya *mummy* kepada Farisha dan telah

lama mencari Farisha. Apabila Farisha sedar boleh bangun dan berjalan, Farisha telah mendapatkan penjelasan daripada abangnya Azraai tentang ibu kandungnya. Azraai telah menceritakan semua perkara yang diketahui. Farisha dijadikan anak angkat kerana hendak menyelamatkan diri Farisha daripada dijadikan bahan uji kaji ibunya sendiri. Farisha mendedahkan bahawa dirinya telah berkomunikasi dengan ibunya. Jelaslah di sini, petikan di atas menunjukkan klimaks penceritaan yang telah dijelaskan oleh pengarang dalam novel *Di Sebalik Dinara*.

Penerapan teori strukturalisme dalam kajian ini adalah berfokuskan aspek dalaman yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Klimaks merupakan aspek dalaman yang telah membentuk sebuah karya novel seperti mana dalam novel *Di Sebalik Dinara*, satu rahsia telah terbongkar apabila Farisha telah mengetahui bahawa Medina atau Marilyn merupakan ibu kandungnya. Karl telah menceritakan semua perihal berkenaan Farisha termasuk Azraai menjadikan Farisha sebagai anak angkat disebabkan untuk menyelamatkannya daripada dijadikan bahan uji kaji ibunya sendiri. Oleh itu, klimaks ini sememangnya salah satu aspek dalaman yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor.

D) Peleraian

Peleraian merupakan bahagian pengakhiran atau penyudahan sesebuah cerita. Pada bahagian ini pengarang akan menceritakan nasib atau perkara yang berlaku terhadap watak-watak yang terdapat dalam cerita tersebut. Sesuatu keadaan tersebut sama ada ianya berakhir dengan kegembiraan mahupun

kesedihan. Kebanyakan karya kemenangan akan berpihak pada watak utama.

Perkara ini boleh dilihat berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*:

Tepat pukul 7.00 malam, Dr. Haris mengumumkan Karl sudah menghembuskan nafas yang terakhir. Berita itu menerima pelbagai reaksi daripada mereka yang menunggu di luar bilik kaca. Alia terus meraung, manakala Medina hanya teresak-esak. Farisha hanya terkedu.

(Dayang Noor, 2012: 230)

Berdasarkan petikan di atas, Dr. Haris telah memberitahu bahawa Karl telah menghembuskan nafas yang terakhir. Sebelum Karl meninggal, semua orang dapat bertemu dengan Karl untuk kali yang terakhir semasa Karl dikhabarkan sedang nazak. Farisha juga dapat menatap wajah ayah kandungnya ketika itu. Karl ada meninggalkan wasiat terakhir iaitu mayatnya hendaklah dibakar dan abunya ditabur di Selat Melaka. Oleh itu, dapat dilihat pengarang telah menerangkan bahagian peleraian dengan jelas dalam novel *Di Sebalik Dinara*.

Seiring dengan pengaplikasian teori Strukturalisme dalam kajian ini, peleraian adalah salah satu aspek dalaman yang penting dalam pengakhiran sebuah cerita. Melalui novel *Di Sebalik Dinara* ini, pada pengakhiran ceritanya adalah sedih di mana Karl telah meninggal dunia tepat pada pukul 7.00 malam. Perkara ini telah diberitahu oleh Dr. Haris yang merawat Karl. Karl merupakan bapa kandung Farisha dan Farisha dapat menatap wajah ayahnya untuk kali yang terakhir. Jelaslah di sini, aspek dalaman ini amat penting dalam membentuk sebuah karya. Pengakhiran cerita ini memberi kesan emosi kepada para pembaca.

4.1.3 Watak Dan Perwatakan

Secara umumnya lebih jelas diketahui watak merupakan pelaku-pelaku dalam setiap karya sastera yang dihasilkan oleh pengarang. Watak ini sifatnya pelbagai dan boleh dikategorikan kepada beberapa jenis watak. Sesuatu watak mungkin boleh terdiri daripada menjadi manusia biasa, binatang dan mungkin makhluk ghaib. Namun, watak-watak ini telah tergolong kepada beberapa kelompok atau jenis iaitu watak utama, watak sampingan, watak bulat, watak pipih, watak putih dan juga watak hitam. Lutfi Abas (1995: 56) dan Awang Sariyan menyatakan watak itu adalah tokoh di dalam cerita. Menurut Kamaruddin Hj Husin watak adalah orang iaitu manusia atau bukan manusia namun memiliki sifat-sifat manusia yang terlibat di dalam sesebuah karya. Watak di dalam sesebuah karya memainkan peranan yang sangat penting mempunyai fungsi untuk membawa dan mengembangkan idea pokok sehingga matlamat yang hendak dicapai berjaya.

Selain itu, watak juga memberikan satu gambaran tentang pelaku yang membawa peranan dalam novel sama ada watak itu merupakan manusia atau binatang. Maksud gambaran watak itu adalah dari segi bentuk tubuhnya, tinggi rendahnya, besar kecilnya, hitam putihnya, gemuk atau kurus dan semua perkara yang berkenaan dengan sifat peribadinya. Jika watak yang melibatkan manusia maka sifat-sifat yang terdapat pada manusia itu dijelaskan secara terperinci. S. Othman Kelantan (1985: 84) berpendapat gambaran watak akan menjelaskan kesesuaian terhadap watak yang di bawa di dalam karya. Di samping itu juga, watak merupakan unsur yang sangat penting dalam struktur novel atau karya kerana watak ini berperanan dalam keseluruhan sudut atau bahagian di dalam karya. Melalui watak jugalah terjalannya keseluruhan cerita

dan terlahirnya sebab-sebab yang kemungkinan akan terjadi di dalam plot karya tersebut.

Marjorie Boulton (1975: 90) mengatakan bahawa watak dalam sesebuah karya itu perlu sama rupa dengan manusia realistik di mana mereka yang mengalami segala masalah, mengalami soal-soal kehidupan, mempunyai pendidikan tertentu, kecerdasan ataupun kekebalan seperti kebanyakan manusia realiti dan bersifat rendah diri dengan keadaan sopan santun. Mengenai watak dan perwatakan pula, Kassim Ahmad (1964: 83) melihat penulis-penulis novel kini telah menggunakan pelbagai teknik bagi menonjolkan watak-watak mereka. Mereka akan menggambarkan watak-watak seseorang itu dengan dalam keadaan yang jelas dan lengkap dari segi pakaiannya, rupanya, budi bahasanya dan perangai yang lain juga. Mereka juga menjadikan watak tersebut bercakap, berfikir, berlagak dan merasai sesuatu dengan cara yang tertentu. Di samping itu juga, mereka menjelaskan rupa pada watak dengan membuat watak-watak yang lain memperkatakan tentang diri watak itu. Sama juga dengan cita-citanya, kebolehannya dan perkara yang lain lagi. Ismail Ahmad (1974: 70) pula menyatakan watak adalah seseorang yang mengambil bahagian dalam sesebuah cerita atau novel itu. Watak-watak yang dibawakan adalah seperti watak agama, watak jahat, watak miskin dan sebagainya. Watak-watak itu dilakukan mengikut peristiwa-peristiwa yang ingin ditonjolkan dalam sesebuah karya itu.

Berdasarkan Kamus Kesusasteraan (2021: 387), watak dikategorikan kepada tiga iaitu watak bandar, watak lawan dan watak pipih. Watak bandar ialah watak yang diterbalikkan daripada watak pipih dalam naratif atau drama. Watak ini dibekalkan dengan sifat serta ciri yang tersendiri, diubah dan merubah

keadaan di sekelilingnya, serta berkembang sejajar dengan perkembangan cerita. Watak jenis ini dianggap dinamik, justeru sering digunakan untuk memaparkan protagonis atau watak utama yang lain dalam karya moden. Watak lawan pula bermaksud watak yang ditonjolkan secara kontra bagi menyerlahkan sifat, ciri atau aksi yang bertentangan pada watak protagonis (watak utama dalam sesuatu cerita). Watak ini digunakan dalam naratif atau drama. Contohnya, watak pasif akan menyebabkan sifat dinamik, watak aktif lebih nyata dan ketara. Seterusnya, watak pipih ialah watak yang tidak mengalami sebarang perubahan di sepanjang cerita. Watak pipih merujuk kepada dua watak yang berbeza yang terdapat dalam naratif atau drama. Watak ini biasanya wujud apabila pengarang lebih menekankan sesuatu sifat tertentu watak tersebut tanpa menyerlahkan ciri khusus yang membezakannya dengan watak lain. Watak pipih dianggap watak statik dan sering dikenali sebagai tipa.

Bagi konsep perwatakan pula, perwatakan adalah salah satu cara pengarang mencipta dan memperlakukan apa sahaja terhadap watak ciptaannya itu. Melalui perwatakan akan melancarkan perjalanan cerita di dalam sesebuah karya itu dan sebagai penggerak utama. Pengarang yang gagal dalam menghidupkan watak-watak akan merosakkan plot dalam karya tersebut. Perwatakan juga boleh merujuk kepada gambaran dan sifat yang dimiliki oleh sesuatu watak tersebut sama ada dari aspek luaran atau aspek dalaman. William H. Hudson dalam Hashim Awang (1984: 55) menggambarkan watak dan perwatakan di dalam karya sebagai "*we now see why the cerekas of plot*". Ianya telah bermaksud peranan dan kedudukan watak dan perwatakan dalam sesebuah cereka merupakan perkara penting. Hal ini dikatakan demikian kerana, tanpa watak, gerakan plot dan idea tidak dapat ditonjolkan dengan jelas. Watak inilah yang

akan menghidupkan, menggerakkan dan mengembangkan jalan cerita dalam sesebuah karya. Setiap watak dan perwatakan mempunyai konsep dan prinsip yang tersendiri. Walaupun terdapat pelbagai jenis watak yang ada, tetapi setiap watak mempunyai sifatnya yang tersendiri dan berlainan antara satu watak dengan watak yang lain.

Maksud lain bagi perwatakan adalah ianya lebih tertumpu kepada sifat-sifat watak itu seperti sifat fizikal. Sifat fizikal ini merangkumi tubuh badan, pemikiran serta perbuatan sesuatu watak itu. Bagi perwatakan fizikal pula adalah seperti besar, kurus, gemuk, tinggi, rendah, berkulit hitam atau putih, lelaki mahupun wanita serta muda atau tua usianya. Perwatakan pemikiran dan tingkah laku pula merujuk kepada sifat seperti gembira, sedih, berani, takut, teguh pendirian, pak turut, penyayang, bengis dan juga zalim. Segala kenyataan di atas dapatlah dikatakan bahawa watak itu adalah merujuk kepada identiti ataupun individu yang memainkan peranan penting dalam sesebuah karya itu. Mereka boleh menjalani kehidupan di dalam karya seperti mana kehidupan mereka di luar karya seperti boleh berfikir sendiri, terpelajar atau mungkin tidak terpelajar, mempunyai keyakinan diri, beriman atau sebaliknya, mempunyai rasa kasih sayang atau sebaliknya, mengalami masalah hidup serta mempunyai sikap tersendiri sama ada positif atau negatif. Dalam sesebuah karya, watak-watak yang digambarkan sama sahaja yang berlaku dalam kehidupan manusia sehari-hari yang sering menghadapi pelbagai pertentangan dan pelbagai keadaan dalam kehidupan. Namun, pengkarya perlu meyakinkan pembaca bahawa tindak tanduk haruslah munasabah sama seperti manusia biasa. Keyakinan terhadap watak-watak ini oleh pembaca adalah bergantung kepada

pengarang itu sendiri iaitu cara pengarang menonjolkan mereka dalam sesebuah karya tersebut.

A) Watak dan Perwatakan Farisha

Berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*, pengarang telah menonjolkan watak utama dalam karyanya iaitu bernama Farisha. Farisha merupakan anak kandung kepada Karl dan Marilyn atau Medina. Gadis ini berumur 26 tahun. Beliau juga dikatakan sebagai anak angkat di dalam keluarga Azraai. Azraai dalam novel tersebut merupakan abang kepada Farisha. Farisah bekerja sebagai jurutera keselamatan teknologi dan maklumat. Beliau juga mempunyai raut wajah yang cantik, warna matanya berwarna coklat muda dan gayanya bersopan santun. Seorang yang bijak dalam selok belok berkaitan sistem maklumat komputer dan pakar penggadam sistem pengkomputeran. Perkara ini dapat dibuktikan melalui novel *Di Sebalik Dinara*:

“Dia kepenatan, tetapi tidurnya kurang lena. Entah mengapa wajah lelaki yang duduk di sebelahnya ketika di dalam pesawat tadi muncul berkali-kali. Dia berkata-kata tentang sesuatu yang penting. Wajahnya yang sempurna berkerut sedikit. Mata coklat mudanya membayangkan kerisauan.”

(Dayang Noor, 2012: 14)

Berdasarkan petikan di atas, jelas membuktikan Farisha seorang yang memiliki warna mata coklat muda. Watak ini telah digambarkan oleh pengarang bagi menunjukkan identiti watak seorang yang bernama Farisha. Di dalam petikan tersebut, pengarang menonjolkan watak melalui anggota badan atau dikategorikan sebagai watak fizikal. Pengarang hendak membezakan watak Farisha ini dengan watak yang lain. Oleh itu, pembaca dapat membayangkan

dengan mudah dan jelas watak yang dibawakan oleh Farisha dalam novel *Di Sebalik Dinara*.

“Boleh beri saya sedikit masa untuk fikirkan tawaran ini ?” pinta Farisha. Dr. Maxi dan Aqram berbalas pandang lagi. Rosman pula berasa agak terkejut kerana dia membayangkan Farisha akan terus bersetuju untuk menerima projek itu.

(Dayang Noor, 2012: 53)

Petikan di atas telah menggambarkan Farisha seorang yang bijak dalam membuat keputusan. Farisha tidak terburu-buru untuk menerima tawaran yang telah ditawarkan berkenaan sesuatu projek itu. Farisha meminta untuk diberikan masa sedikit sama ada hendak menerima atau sebaliknya. Pengarang telah menggambarkan secara jelas watak yang dibawakan oleh Farisha. Perwatakan tersebut sesuai dengan keadaan yang hendak ditunjukkan dalam cerita novel tersebut. Oleh itu, pembaca dapat memahami setiap peristiwa yang dibawakan oleh watak dalam novel *Di Sebalik Dinara*.

Seiring dengan teori Strukturalisme yang mengetengahkan aspek dalaman untuk membentuk satu rangka atau struktur dalam penghasilan sebuah teks atau karya. Aspek dalaman ini juga merujuk kepada watak dan perwatakan. Watak dan perwatakan Farisha adalah aspek dalaman yang telah diterapkan oleh pengarang dalam penghasilan novel *Di Sebalik Dinara* ini. Berdasarkan novel tersebut Farisha seorang gadis yang berumur 26 tahun dan bekerja sebagai jurutera teknologi maklumat. Watak dan perwatakan Farisha ini adalah salah satu aspek dalaman yang membantu mengembangkan jalan cerita atau sesuatu peristiwa dalam novel tersebut.

B) Watak dan Perwatakan Karl

Dalam novel *Di Sebalik Dinara*, terdapat watak Karl. Karl merupakan bapa kandung kepada Farisha dan berbangsa Inggeris. Karl telah berkahwin dengan Marilyn atau dikenali sebagai Medina dan ibu kepada Farisha. Namun, Karl mempunyai sifat musuh dengan Marilyn atau Medina kerana persaingan dalam dunia sains. Karl juga adalah seorang yang bijak dalam penyelidikan dan pencipta teknologi iaitu mencipta sistem Dinara. Karl pernah memenangi anugerah inovasi di peringkat kebangsaan. Karl mempunyai azam yang tinggi sehingga dia sanggup untuk memasukkan mikrochip ke dalam badan anak kandungnya iaitu Farisha. Tetapi, Karl telah menghidapi sakit barah sehingga terlantar dan kemudian beliau telah meninggal dunia. Ia dapat dibuktikan dalam novel *Di Sebalik Dinara*:

“Baguslah kalau awak tahu serba sedikit tentang dia. Karl ialah seorang penyelidik dan pencipta. Dia adalah aset Soft Lab yang paling berharga,” kata Aqram. Sebenarnya banyak lagi yang ingin diperkatakan tentang Karl, tetapi biarlah ia simpan dahulu.

(Dayang Noor, 2012: 43)

Berdasarkan contoh petikan di atas, telah membuktikan bahawa Karl adalah seorang penyelidik dan pencipta teknologi. Aqram telah memberitahu bahawa Karl juga adalah aset Soft Lab yang paling berharga. Banyak lagi yang hendak diperkatakan oleh Aqram berkenaan dengan Karl tetapi Aqram mahu menyimpan dulu perkara tersebut. Pengarang telah menerangkan identiti yang terdapat dalam watak Karl supaya pembaca dapat membezakan watak Karl ini dengan watak yang lain.

Perkara ini seiring dengan pengaplikasian teori Strukturalisme yang mengetengah aspek dalaman dalam karya iaitu watak dan perwatakan.

Berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*, watak Karl adalah bapa kandung kepada Farisha dan berbangsa Inggeris. Beliau telah berkahwin dengan Marilyn atau Medina dan merupakan seorang penyelidik dan mencipta teknologi. Menerusi watak dan perwatakan ini akan membantu pembaca mengenal dengan lebih mudah setiap aspek dalaman yang terdapat dalam novel tersebut.

C) Watak dan Perwatakan Marilyn atau Medina

Marilyn atau Medina merupakan ibu kandung kepada Farisha. Medina telah berkahwin dengan Karl iaitu bapa kepada Farisha. Seorang wanita yang berketurunan Portugal. Memiliki wajah yang cantik, kulit yang putih dan berambut kerinting. Medina juga berperwatakan seorang yang bijak dan hebat dalam bidang Sains. Dia juga banyak membantu dalam kerja-kerja penyelidikan Karl. Namun, perkara tersebut telah menimbulkan sifat dendam dalam diri Medina kepada suaminya Karl kerana persaingan dalam dunia sains. Ini dapat dibuktikan dalam novel *Di Sebalik Dinara*:

Kini dia menghadap seorang insan yang sepatutnya dia panggil ayah juga. Walaupun dia anak tidak sah taraf, tetapi lelaki kurus yang terbaring di atas katil itu ialah darah dagingnya. Begitu juga wanita berambut kerinting yang sedang berdiri di sebelah lelaki itu.

(Dayang Noor, 2012: 227)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dibuktikan bahasa Marilyn atau Medina merupakan ibu kandung kepada Farisha. Dia juga merupakan isteri kepada Karl. Medina merupakan seorang wanita yang mempunyai rambut yang kerinting. Medina telah berdiri di sebelah suaminya iaitu Karl yang telah meninggal dunia. Watak dan perwatakan Medina ini telah memainkan peranan yang penting dalam penghasilan novel *Di Sebalik Dinara* ini. Watak yang dibawakan ini sangat sesuai

mengikuti peristiwa-peristiwa yang ingin disampaikan oleh pengkarya dalam novel tersebut.

Watak dan perwatakan ini telah dikaitkan dengan penganalisisan teori Strukturalisme. Teori Strukturalisme ini membincangkan perkara-perkara dalaman yang terdapat dalam novel atau karya. Berdasarkan watak dan perwatakan Medina ini, pengarang telah menjelaskan bahawa Medina merupakan ibu kandung kepada Farisha. Dia telah berkahwin dengan Karl tetapi ada perasaan dendam terhadap suaminya kerana persaingan dalam dunia sains. Oleh itu, watak dan perwatakan ini adalah hal dalaman yang diterapkan oleh pengarang di dalam novel tersebut untuk membentuk sebuah karya.

D) Watak dan Perwatakan Azraai

Azraai merupakan abang angkat kepada Farisha. Dia sangat sayang kepada adiknya itu dan mengambil berat tentang keselamatan Farisha. Azraai juga merupakan tempat rujukan Farisha dalam membuat sesuatu keputusan. Azraai mempunyai isteri iaitu Kak Mariah dan dua orang anak perempuan iaitu Dina dan Aina. Azraai telah menyembunyi sesuatu perkara iaitu berhubung Farisha adalah anak angkat kepada keluarganya. Azraai juga telah menghidap penyakit jantung dan dia terkena serangan jantung di tempat kerja. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi novel *Di Sebalik Dinara*:

“Retinal scanner, abang kau datang pasang pagi tadi,” jawab Shida sambil membuka jeriji dan pintu kayu jati. Raket skuasy dikutip dari lantai dan mereka berdua masuk ke dalam apartmen beriringan.

(Dayang Noor, 2012: 10)

Berdasarkan petikan di atas, watak Azraai telah membuktikan dia seorang yang penyayang dan prihatin kepada adiknya iaitu Farisha. Azraai telah menukar

kunci rumah Farisha kepada “retinal Scanner” berikutan terdapat kes pembunuhan yang berlaku berhampiran kawasan rumah Farisha. Menerusi watak dan perwatakan ini, pengarang telah menerangkan secara jelas terhadap setiap perwatakan yang dimasukkan di dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Setiap perwatakan yang dibawakan oleh watak adalah berbeza-beza.

Analisis ini dibuat dengan menggunakan teori Strukturalisme. Watak dan perwatakan di dalam karya merupakan salah satu perkara dalaman yang diterapkan oleh pengkarya. Watak Azraai yang merupakan abang angkat kepada Farisha. Perwatakan Azraai dilihat sebagai seorang abang yang penyayang. Dia telah menukar sistem keselamatan rumah adiknya iaitu Farisha kepada sistem yang lebih canggih. Jelas di sini, watak dan perwatakan adalah perkara dalaman yang digunakan oleh pengkarya untuk membentuk rangka dalam penghasilan novel.

4.1.4 Latar

Latar merupakan salah satu unsur intrinsik yang membentuk sebuah cerita seperti karya novel. Latar adalah salah satu elemen sastera yang penting. Hal ini dikatakan demikian kerana, latar ini akan membantu setiap tindakan atau peristiwa yang dilakukan oleh watak mudah difahami dan terlihat jelas. Latar ini memberi keterangan yang mempunyai hubungan dengan ruang, waktu serta suasana yang akan terjadi dalam sesuatu peristiwa itu. Latar juga berperanan dalam mengembangkan tema, persoalan serta plot. Menurut Aminuddin (2013: 67), latar ini berbentuk tempat, masa atau peristiwa. Menurutnya lagi latar memiliki dua fungsi iaitu fungsi fizikal dan fungsi psikologi. Fungsi fizikal bermaksud menjelaskan latar atau plot secara konkrit atau boleh dilihat dengan

menggunakan mata kasar. Manakala fungsi psikologi pula bermaksud menggambarkan latar belakang atau latar secara abstrak atau tidak dapat dilihat dengan menggunakan mata kasar tetapi hanya boleh dirasai.

Seterusnya, Abrams (1981: 175) mendefinisikan latar adalah tempat, hubungan waktu dan lingkungan sosial. Latar-latar tersebut merupakan tempat atau masa terjadinya peristiwa-peristiwa yang hendak diceritakan oleh pengarang dalam karyanya. Tarigan (2011: 55) pula menyatakan latar dipersembahkan dalam cerita dengan tujuan atau maksud. Maksud atau tujuan itu terbahagi kepada tiga iaitu latar untuk meningkatkan keyakinan dalam watak, pergerakan mereka dan aksi mereka. Kedua, latar hadir kerana ia mempunyai hubungan yang lebih langsung dengan makna keseluruhan dan makna umum dalam sesebuah cerita. Ketiga adalah latar dipersembahkan untuk tujuan menunjukkan suasana yang berguna atau bermanfaat.

Latar dalam karya sastera boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu latar masa, latar tempat dan latar masyarakat. Latar tempat merupakan tempat atau lokasi berlakunya peristiwa-peristiwa yang terjadi di dalam karya sastera yang merangkumi nama jalan, kawasan, rumah mahupun gunung. Sebagai contoh, di rumah, di dalam hutan, di dalam bangunan, di sekolah, di dalam pesawat, di gunung, di pantai dan lain-lain lagi. Latar masa ialah waktu kejadian peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam karya sastera. Sebagai contoh, waktu malam, waktu pagi, keesokan hari, pada zaman dahulu dan lain lagi. Latar waktu ini berlaku supaya pembaca akan memahami setiap jalan cerita yang hendak disampaikan pada waktu tersebut oleh pengarang. Akhir sekali adalah latar masyarakat. Latar masyarakat menunjukkan situasi atau keadaan yang berlaku di tempat dalam cerita tersebut. Sebagai contoh, masyarakat yang prihatin,

masyarakat yang mementingkan kasih sayang, masyarakat yang saling tolong-menolong dan lain-lain lagi. Pengkarya akan mempelbagaikan karenah masyarakat supaya dilihat sama seperti kehidupan sebenar. Hal ini demikian kerana, pembaca sering melihat kerenah masyarakat di dunia realiti, maka sekiranya pengarang tidak memasukkan elemen seperti kehidupan sebenar pembaca akan merasa bosan.

A) Latar Masa

Terdapat beberapa latar masa yang dapat dikenalpasti dalam novel *Di Sebalik Dinara*, antaranya:

Dia bangun jam 4.30 pagi tadi. Mengambil penerbangan paling awal dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru dan kini berada dalam penerbangan paling akhir untuk pulang.

(Dayang Noor, 2012: 4)

Berdasarkan petikan di atas adalah latar masa yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Farisha telah bangun seawal 4.30 pagi untuk menaiki pesawat dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru bagi menghadiri satu mesyuarat di Nusa Jaya.

Selepas itu, Farisha telah mengambil pesawat paling akhir untuk pulang ke rumahnya. Semasa dalam penerbangan tersebut, Farisha telah berkenalan dengan seorang lelaki tetapi Farisha merasakan terdapat perkara yang mencurigakan pada lelaki tersebut. Jelaslah di sini, berikut merupakan latar masa yang telah diceritakan oleh pengarang supaya jalan cerita tersebut mudah difahami oleh pembaca.

Seiring dengan teori Strukturalisme, latar masa merupakan aspek dalaman yang membentuk sebuah cerita dalam novel. Berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*, Farisha bangun awal iaitu pada pukul 4.30 pagi. Farisha mengambil

pesawat paling awal dari untuk ke Johor Bahru dari Kuala Lumpur bagi menghadiri satu mesyuarat di Nusa Jaya. Setelah selesai mesyuarat itu, Farisha pulang ke rumahnya dengan mengambil pesawat paling akhir. Oleh itu, aspek dalaman iaitu latar masa ini penting supaya pembaca dapat membayangkan keadaan sesuatu peristiwa yang berlaku dalam cerita tersebut.

Jam sudah menunjukkan pukul 10.00 malam ketika dia sampai di hadapan pintu apartmennya. Kad pintar di dikeluarkan dari beg tangan dan diimbis di hadapan kaca segi empat sama di sebelah kanan jeriji pintu. Tiada bunyi “klik” seperti kebiasaannya.

(Dayang Noor, 2012: 10)

Petikan di atas merupakan petikan yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara* yang menunjukkan latar masa. Farisha telah sampai di hadapan apartmennya pada pukul 10.00 malam selepas dia pulang dari menghadiri mesyuarat di Nusa Jaya. Tetapi, Farisha gagal membuka pintu rumahnya dengan menggunakan kad pintarnya. Abangnya Azraai telah menukar sistem kunci rumahnya kepada “retinal scanner” berikutan terdapat kes pembunuhan yang berlaku berdekatan dengan kawasan perumahan Farisha. Jelaslah di sini, berikut merupakan latar masa yang digunakan oleh pengkarya untuk memudahkan pembaca memahami jalan cerita yang hendak disampaikan.

Analisis ini telah menggunakan teori Strukturalisme. Teori ini membincangkan aspek dalaman yang terdapat dalam novel seperti latar masa. Berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*, pada pukul 10.00 malam Farisha sampai di hadapan apartmennya selepas pulang dari terlibat dengan mesyuarat di Nusa Jaya. Namun, Farisha gagal membuka pintu rumahnya menggunakan kad pintarnya berikutan abangnya iaitu Azraai telah menukar sistem kunci rumahnya kepada “retinal scanner” tanpa pengetahuan Farisha. Oleh itu, latar masa

sememangnya aspek dalaman yang telah dimasukkan oleh pengarang bagi melengkapkan karyanya.

Farisha semakin resah kerana simposium yang bakal dihidirinya akan bermula tepat pada pukul 9.00 pagi. Dia tidak mahu terlepas ucapan pembukaan yang akan disampaikan oleh Phillips Young, Presiden Persatuan Penggodam Antarabangsa.

(Dayang Noor, 2012: 20)

Berikut merupakan petikan yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara* bagi menunjukkan latar masa. Farisha akan menghadiri satu simposium tepat pada pukul 9.00 pagi di Hotel Renaissance. Pembukaan simposium tersebut akan disampaikan oleh Phillips Young iaitu Presiden Persatuan Penggodam Antarabangsa. Namun, Farisha kecewa apabila uapctama simposium tersebut hanya melalui hologram. Latar masa ini telah memberikan keterangan yang jelas berhubung dengan waktu tentang perkara atau peristiwa yang terjadi.

Tepat pukul 7.00 malam, Dr. Haris mengumumkan Karl sudah menghembuskan nafas yang terakhir. Berita itu menerima pelbagai reaksi daripada mereka yang menunggu di luar bilik kaca.

(Dayang Noor, 2012: 230)

Berdasarkan petikan di atas, berikut merupakan latar masa yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Dr. Haris yang merawat Karl telah memberitahu bahawa Karl telah menghembuskan nafas terakhirnya pada pukul 7.00 malam.

Ada yang meraung, ada yang menangis teresak-esak dan ada yang hanya terkedu atas kematian Karl. Karl ada meninggalkan wasiat bahawa mayatnya hendaklah dibakar dan abunya ditabur di Selat Melaka. Oleh itu, dengan adanya latar masa, pembaca dapat menggambarkan situasi sesuatu peristiwa itu berlaku.

Pengkaji mengaplikasikan kajian ini dengan menggunakan teori Strukturalisme. Teori strukturalisme adalah teori yang membincangkan aspek

dalam dalam karya. Dalam novel *Di Sebalik Dinara* terdapat latar masa menunjukkan 7.00 malam. Tepat pada pukul 7.00 malam, Karl telah menghembuskan nafas terakhirnya. Perkara ini telah diberitahu oleh Dr. Haris yang merawat Karl. Farisha hanya terkedu atas kematian Karl yang sebenarnya merupakan ayah kandungnya. Maka, jelaslah di sini, latar masa merupakan aspek dalaman yang diterapkan oleh pengarang dalam karyanya.

B) Latar Tempat

Melalui novel *Di Sebalik Dinara*, terdapat beberapa situasi atau peristiwa yang menunjukkan latar tempat. Sebagai contoh:

Farisha berjalan susup-sasap untuk melepasi selautan manusia yang memenuhi balai berlepas Lapangan Terbang Senai. Beg beroda seberat hampir lima kilogram diheret sama. Pengumuman tentang penerbangan seterusnya ke Kuala Lumpur sedang berkumandang.

(Dayang Noor, 2012: 1)

Berdasarkan petikan di atas, menunjukkan latar tempat yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Farisha berjalan susup-sasap untuk berhadapan dengan ramai orang di Lapangan Terbang Senai. Farisha menaiki pesawat untuk pulang ke Kuala Lumpur selepas menghadiri satu mesyuarat di Nusa Jaya dan dia telah mengambil pesawat paling akhir. Semasa penerbangan tersebut Farisha telah mengenali seorang lelaki dan Farisha merasakan ada perkara yang tidak kena pada diri lelaki tersebut. Jelaslah di sini, latar masa merupakan unsur intrinsik yang diterapkan oleh pengarang dalam karyanya bagi penghasilan karya yang berkualiti.

Melalui teori Strukturalisme, teori ini telah mengetengahkan aspek dalaman dalam sesuatu karya. Berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*, terdapat latar tempat

iaitu Lapangan Terbang Senai. Farisha telah berjalan bersusup-sasap berdepan dengan ramai manusia yang memenuhi balai berlepas lapangan terbang tersebut. Farisha telah menaiki pesawat untuk pulang ke rumahnya selepas menghadiri satu mesyuarat di Nusa Jaya. Oleh itu, latar tempat adalah aspek dalaman yang penting dalam penghasilan karya bagi menunjukkan perjalanan cerita yang jelas kepada pembaca.

“Ada apa-apa lagi? Aku nak tidur. Pagi besok aku mesti bangun awal. Ada simposium di Hotel Renaissance.” Farisha menggenyeh mata.

(Dayang Noor, 2012: 13)

Berdasarkan petikan di atas, latar tempat merupakan salah satu unsur intrinsik yang perlu ada dalam sesebuah karya. Terdapat latar tempat dalam novel *Di Sebalik Dinara* iaitu Hotel Renaissance. Keesokan hari selepas Farisha pulang dari Johor Bahru, Farisha akan menghadiri satu simposium yang berlangsung di Hotel Renaissance. Ucapan pembukaan simposium tersebut akan disampaikan oleh Phillips Young yang merupakan Presiden Persatuan Penggodam Antarabangsa. Oleh itu, latar tempat ini merujuk kepada satu elemen penting yang perlu ada dalam sesebuah karya agar pembaca mengetahui di mana sesuatu peristiwa itu berlaku.

Seiring dengan penggunaan teori Strukturalisme dalam kajian ini, latar tempat merupakan aspek dalaman yang perlu diterapkan dalam karya seperti novel ini. Berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*, terdapat latar tempat iaitu di Hotel Renaissance. Farisha akan menghadiri satu simposium selepas dia pulang dari Johor Bahru setelah terlibat dengan satu mesyuarat di Nusa Jaya. Simposium yang akan dihadiri oleh Farisha akan berlangsung di Hotel Renaissance. Pembukaan simposium tersebut akan disampaikan oleh Phillips Young yang

merupakan Presiden Persatuan Penggodam Antarabangsa. Jelas di sini, latar tempat merupakan aspek dalaman yang penting untuk membentuk sebuah karya yang berkualiti tinggi.

Jam sudah menunjukkan pukul 10.00 malam ketika dia sampai di hadapan pintu apartmennya. Ad pintar dikeluarkan dari beg tangan dan diimbis di hadapan kaca segi empat sama di sebelah kanan jeriji pintu.

(Dayang Noor, 2012: 8)

Berdasarkan petikan di atas, terdapat latar tempat iaitu di hadapan pintu apartmen Farisha. Farisha telah sampai di depan apartmennya pada pukul 10.00 malam selepas pulang dari Johor Bahru bagi menghadiri satu mesyuarat di Nusa Jaya. Selepas itu, Farisha gagal membuka pintu rumahnya menggunakan kad pintarnya. Rupanya, abangnya Azraai telah menukar sistem kunci rumahnya kepada “retinal scanner” berikutan terdapat kes pembunuhan berdekatan dengan rumah Farisha. Jelaslah di sini, berikut merupakan latar tempat yang digunakan oleh pengarang untuk melengkapkan peristiwa yang berlaku di dalam karya.

Seiring dengan penggunaan teori Strukturalisme dalam kajian ini. Latar tempat merupakan salah satu aspek dalaman yang dikenalpasti dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Farisha telah sampai di hadapan pintu apartmennya pada pukul 10.00 malam selepas dia pulang menaiki pesawat dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur. Farisha telah gagal membuka kunci pintu rumahnya. Abangnya Azraai telah menukar sistem kunci rumah Farisha kepada “retinal scanner” tanpa pengetahuan dirinya. Oleh itu, jelas di sini latar tempat adalah aspek dalaman yang diketengahkan oleh pengarang supaya pembaca mudah memahami cerita yang hendak disampaikan dalam karya tersebut.

C) Latar Masyarakat

Terdapat beberapa peristiwa atau perkara yang berlaku telah menunjukkan latar masyarakat. Perkara ini dapat dibuktikan berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*:

“Khidmat yang kami perlukan adalah untuk menggodam tiga kelompok komputer Soft Lab yang merupakan infrastruktur kepada sistem pengkomputeran awam,” terang Dr. Maxi. Farisha menahan nafas.

(Dayang Noor, 2012: 50)

Berdasarkan petikan di atas, terdapat unsur intrinsik iaitu latar. Berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*, terdapat latar masyarakat iaitu masyarakat yang maju dan celik dalam bidang sains dan teknologi. Farisha telah ditawarkan projek mini yang bernilai 1.5 juta. Projek tersebut adalah untuk menggodam tiga kelompok komputer di Soft Lab. Dr. Maxi menawarkan projek ini kepada Farisha yakin dengan kebolehan Farisha yang pernah berjaya menggodam sebuah pelayan pangkalan data di Nusa Jaya dalam masa sepuluh minit sahaja.

Pengkaji telah menggunakan teori Strukturalisme dalam kajian ini. Teori ini membincangkan aspek dalaman yang terdapat dalam sesebuah karya. Berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*, latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut ialah masyarakat yang maju dan celik dalam bidang sains dan teknologi. Dr. Maxi telah menawarkan satu projek yang bernilai 1.5 juta. Projek tersebut adalah untuk menggodam tiga kelompok komputer di Soft Lab. Dr. Maxi dengan kebolehan yang dimiliki oleh Farisha. Maka, jelaslah di sini latar masyarakat merupakan aspek dalaman yang penting dalam penghasilan sesebuah karya yang berkualiti.

“Retinal scanner, abang kau datang pasang pagi tadi,” jawab Shida sambil membuka jeriji dan pintu kayu jati. Raket skusy dikutip dari lantai dan mereka berdua masuk ke dalam apartmen beriringan.

(Dayang Noor, 2012: 10)

Berdasarkan petikan di atas, menunjukkan latar masyarakat yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Ketika Farisha sampai di apartmennya, dia gagal membuka kunci pintu rumahnya menggunakan kad pintarnya. Rupanya abangnya Azraai telah menukar sistem kunci rumahnya kepada “retinal scanner” berikutan terdapat kes pembunuhan yang berlaku pada minggu lepas berdekatan kawasan rumah Farisha. Azraai sangat mengambil berat tentang keselamatan adiknya Farisha. Jelaslah di sini, terbukti di dalam novel *Di Sebalik Dinara*, pengarang mengetengahkan masyarakat yang mementingkan keselamatan.

Melalui kajian ini, pengkaji juga menggunakan teori Strukturalisme. Teori ini mengetengahkan aspek dalaman yang terdapat dalam karya. Berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*, terdapat latar masyarakat iaitu masyarakat yang mementingkan keselamatan. Farisha gagal membuka kunci pintu rumahnya dengan menggunakan kad pintarnya. Abangnya telah menukar sistem kunci rumah Farisha kepada “retinal scanner” tanpa pengetahuan adiknya berikutan terdapat kes pembunuhan berdekatan kawasan rumah Farisha. Oleh itu, jelaslah di sini, latar masyarakat tergolong dalam aspek dalaman yang terdapat dalam supaya pembaca dapat mengetahui lingkungan sosial dalam karya tersebut.

4.1.5 Gaya bahasa

Berdasarkan Kamus Kesusasteraan (2021: 116), gaya adalah cara ekspresi linguistik dalam prosa atau lirik iaitu cara penulis menulis sesuatu atau cara individu bercakap memperkatakan sesuatu. Gaya sesebuah karya boleh dikaji melalui ciri diksi atau pilihan bahasanya iaitu struktur ayat dan sintaksis, jenis peribahasa, corak rima, komponen bunyi, ciri-ciri bahasa, tujuan dan alat retoriknya. Menurut Tarigan (1985: 5), gaya bahasa merupakan bentuk retorik iaitu penggunaan kata-kata dalam berbicara dan menulis untuk meyakinkan atau mempengaruhi penyemak atau pembaca.

Pengarang juga akan menggunakan gaya bahasa dengan merujuk kepada pemilihan kata, frasa dan ayat bagi menyampaikan sesuatu cerita. Gaya bahasa bukanlah apa yang ditulis oleh pengarang tetapi menunjukkan bagaimana pengarang menulis dan mempersembahkan ceritanya. Gaya bahasa juga akan melibatkan tanda baca, rima tona, pengulangan, tekanan dan sebagainya serta mempunyai kaitan dengan ciri-ciri linguistik dan juga semantik bahasa. Dalam perkara ini, pengarang bebas untuk memanipulasi diksi, struktur ayat, pemilihan frasa, membina dialog dan aspek bahasa yang lain bagi menimbulkan gaya atau mood. Gaya bahasa yang digunakan oleh seseorang pengarang akan menunjukkan identiti pengarang itu sendiri dan gaya unik pengarang tersebut sehingga dapat membezakan dengan pengarang yang lain.

Seterusnya, Ismail Ahmad (1992: 2002) mentafsirkan gaya bahasa adalah ungkapan kata-kata yang melibatkan pengolahan idea dan tidak hanya dibatasi oleh tatabahasa. Kadang-kala bentuk dan jenis penulisan juga mempengaruhi gaya yang perlu digunakan dalam penulisan tersebut. Bagi menghasilkan penulisan karya yang baik seperti novel, bukan sahaja pengarang dituntut untuk

mengolah sesuatu cerita dalam bentuk penulisan, malah juga perlu menerbitkan ayat-ayat serta ungkapan yang menggunakan perkataan dalam gaya bahasa yang indah dan menarik. Penulisan karya memerlukan kreativiti bagi menghasilkan nilai estetika serta penggunaan gaya bahasa yang tersendiri.

Selain itu, Maniyamin Hj Ibrahim (2006: 38) pula memberikan penjelasan gaya bahasa ini terbit daripada usaha penulis atau pengarang memanipulasi bahasa yang tersedia ada. Tujuan manipulasi bahasa dilakukan untuk mencari perkataan atau ungkapan atau frasa yang serasi dengan mesej yang hendak disampaikan. Di samping itu juga untuk menghasilkan keindahan bunyi perkataan atau ungkapan atau frasa dalam karya. Oleh itu, dengan adanya gaya bahasa, ia akan menimbulkan kesegaran dan keberkesanan karya kepada pembaca atau pendengar. Sesuatu karya yang memiliki kualiti yang tinggi, pengarang pandai untuk menggunakan gaya bahasa yang bersesuaian.

Gaya bahasa menurut Za'ba dalam Maniyamin Haji Ibrahim (2006: 31) ialah rupa susuk bahasa yang dipakai apabila bercakap atau mengarang iaitu tentang perkataannya, ikatan ayatnya, jalan bahasanya, cara susunan dan bentuk pembahasnya. Za'ba juga menjelaskan bahawa gaya bahasa dapat mengenal identiti keperibadian seseorang penulis. Keperibadian itu terbentuk melalui konteks dan situasi objek yang diperkatakan. Gaya bahasa juga dikatakan sebagai susunan perkataan yang terjadi kerana perasaan dalam hati pengarang sama ada sengaja atau tidak sengaja dan iai juga menimbulkan suatu perasaan tertentu dalam hati pembaca.

Gaya bahasa sangat memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan penghasilan bahasa yang indah dan menarik di dalam sesuatu karya. Sesebuah gaya bahasa yang baik haruslah dibuat merujuk tiga ciri penting ini iaitu kejujuran,

kesantunan dan menarik. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan dan pemilihan gaya bahasa mampu memberikan impak emosi kepada pembaca atau pendengar. Kejujuran dalam penulisan adalah dengan menggunakan bahasa yang jelas kerana ia memberikan impak dalam penggunaan gaya bahasa yang lebih indah dan menarik. Kesantunan pula dari segi gaya bahasa memberikan rasa nikmat melalui penggunaan kata-kata. Kesantunan dalam penggunaan gaya bahasa menjadikan sesuatu penulisan itu dapat disampaikan dengan jelas. Ciri yang terakhir adalah menarik iaitu gaya bahasa yang memberikan maksud yang baik, mempunyai kekuatan dan penuh dengan khayalan atau imaginasi.

A) Kata Ganda

Gaya bahasa kata ganda merupakan kata yang wujud daripada kata yang digandakan sama ada sebahagian atau keseluruhannya. Dalam erti kata lain, kata ganda terhasil akibat proses pengulangan perkataan. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*:

Mereka sudah berjanji sejak hari isnin untuk pergi **bersama-sama** ke Hotel Renaissance.

(Dayang Noor, 2012: 20)

Berdasarkan petikan di atas, terdapat gaya bahasa kata ganda iaitu bersama-sama yang membawa maksud sesuatu perkara dilakukan secara serentak. Farisha telah berjanji dengan Rosman untuk bersama-sama pergi ke Hotel Renaissance bagi menghadiri simposium. Farisha meminta Rosman untuk menjemputnya awal kerana jalan menuju ke hotel tersebut pasti sesak. Jelaslah di sini, terdapat kata ganda yang digunakan oleh pengarang supaya pembaca dapat memahami sesuatu situasi yang berlaku dalam cerita yang hendak disampaikan.

Melalui analisis kajian ini, pengkaji juga mengaplikasikan penggunaan teori Strukturalisme iaitu aspek dalaman yang terdapat dalam novel. Berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*, terdapat gaya bahasa kata ganda iaitu bersama-sama. Farisha dan Rosman telah berjanji untuk bersama-sama pergi ke Hotel Renaissance bagi menghadiri simposium. Farisha meminta Rosman untuk mengambilnya awal kerana pada hari tersebut jalan sesak dan dia tidak mahu terlepas ucapan pembukaan simposium tersebut. Aspek dalaman yang terdapat dalam novel tersebut menjadikan karya Dayang Noor ini karya yang berkualiti.

C) Sinkof

Gaya bahasa sinkope atau sinkof merupakan pemendekan sesuatu kata dengan menggugurkan satu atau lebih huruf atau suku kata dari tengah-tengah kata itu. Sebagai contoh, tak(tidak), ku(aku), mu(kamu) dan sebagainya. Gaya bahasa ini dapat dilihat berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*:

“Oh, aku **tak** ada dalam rumah. Aku dekat gelanggang skuasy, bagi aku masa lima minit.”

(Dayang Noor, 2012: 9)

Berdasarkan petikan di atas, terdapat gaya bahasa sinkof iaitu “tak”. Farisha menelefon Shida kerana dia gagal untuk membuka kunci pintu rumahnya menggunakan kad pintarnya. Shida memberitahu bahawa dia tak ada di rumah kerana sedang bermain skuasy. Shida meminta masa selama lima minit untuk sampai di hadapan pintu apartmen yang disewa oleh Farisha dan Shida. Jelaslah di sini bahawa, gaya bahasa sinkope adalah singkatan kata yang digunakan oleh pengarang novel *Di Sebalik Dinara*.

Seiring dengan penggunaan teori Strukturalisme, aspek dalaman gaya bahasa iaitu sinkof telah dapat dikenalpasti dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Perkataan “tak” merupakan singkatan kata yang terdapat dalam novel tersebut. Shida memberitahu Farisha bahawa dirinya tak ada di rumah kerana sedang bermain skuasy. Farisha memberitahu kepada Shida bahawa dia gagal membuka pintu rumahnya menggunakan kad pintarnya. Jadi, gaya bahasa sinkope ini adalah aspek dalaman yang diketengahkan oleh pengarang dalam karyanya ini.

D) Simile

Gaya bahasa simile merupakan gaya bahasa yang membandingkan sesuatu benda, keadaan atau suasana dengan jelas. Kata-kata perbandingan itu adalah seperti, umpama, bak, bagai, ibarat. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan dalam novel *Di Sebalik Dinara*:

Farisha dan Rosman memerhati sekeliling. Dinding ruang menunggu itu dihias dengan beberapa lukisan abstrak. Tiada pendingin hawa yang terpasang di situ tetapi udaranya nyaman, **seperti** ada bayu bukit yang menerobos masuk.

(Dayang Noor, 2012: 48)


Berdasarkan petikan di atas, terdapat gaya bahasa simile iaitu “seperti”. Aqram telah membawa Farisha datang ke rumah agam Karl untuk membincangkan berkenaan projek mini yang ditawarkan itu. Setibanya sampai di rumah tersebut, Farisha dan Rosman telah dijemput untuk duduk di bahagian ruang tamu. Ruang tamu tersebut tiada pendingin hawa dipasang tetapi udaranya nyaman seperti ada bayu bukit yang menerobos masuk di kawasan tersebut. Maka, jelaslah di sini, simile merupakan gaya bahasa yang ditekankan

dalam novel tersebut supaya pembaca dapat merasakan situasi yang hendak disampaikan oleh pengarang.

Teori Strukturalisme adalah teori yang menyetengahkan aspek dalaman yang terdapat dalam karya. Gaya bahasa simile iaitu “seperti” merupakan salah satu aspek dalaman yang dapat dikenalpasti dalam kajian ini. Aqram telah membawa Farisha dan Rosman datang ke rumah agam Karl untuk membincangkan projek mini yang telah ditawarkan kepada mereka. Semasa sampai di rumah tersebut, Farisha dan Rosman telah dijemput untuk duduk di bahagian ruang tamu. Di kawasan tersebut tidak dipasang pendingin hawa tetapi udaranya nyaman seperti ada bayu bukit yang menerobos masuk. Oleh itu, jelas di sini gaya bahasa simile merupakan aspek dalaman yang terdapat dalam karya *Di Sebalik Dinara*.

4.1.6 Sudut Pandangan

Sudut pandang dalam karya sastera berbeza mengikut genre. Sebagai contoh puisi yang hanya mempunyai satu lapisan wacana sahaja iaitu penyair dan pembaca. Teks drama pula terdapat dua lapisan iaitu penulis skrip, khalayak dan pembaca. Bagi novel pula, memerlukan sekurang-kurangnya tiga lapisan wacana iaitu penulis, pembaca, pencerita, yang dicerita dan watak.



Rajah 3 : Lapisan sudut pandang

Berdasarkan rajah 2 menunjukkan lapisan struktur wacana dalam novel secara umum. Terdapat tiga tahap dan sekurang-kurangnya enam orang diperlukan bagi menjelaskan pembentukan novel. Berdasarkan struktur asas wacana novel ini dijelaskan jika terdapat enam peserta makan sudut pandang yang diperlukan lebih banyak berbanding genre lain seperti puisi dan drama. Menerusi maklumat ini, Short (1996: 82) berpendapat novel dan cerpen adalah sudut pandangannya yang paling kompleks. Oleh itu, sememangnya novel merupakan genre yang paling diteroka sudut pandangannya. Perkara yang biasa ditimbulkan dalam sudut pandangan ialah individu yang menyampaikan cerita dan cara cerita itu disampaikan.

Menurut Iwamoto (1998: 32) sudut pandang dapat dijelaskan berdasarkan dua konsep iaitu sudut pandang dalaman dan sudut pandang luaran. Sudut pandang ini juga dikatakan sebagai sudut pandangan subjektif dan objektif.

Sudut pandang subjektif menunjukkan kemampuan pengarang dalam mengesan perasaan dan fikiran dalaman watak. Sudut pandangan objektif pula pengarang hanya dapat merakamkan atau menggambarkan perkara yang boleh dilihat dan didengar.

Kamus Kesusasteraan (2021: 347) menyatakan sudut pandangan adalah cara seseorang pengarang menyampaikan cerita dalam karya yang dihasilkannya. Seseorang pengarang akan menentukan cara sesuatu idea, perwatakan, latar atau aksi yang terdapat dalam cerita untuk disampaikan kepada pembaca. Terdapat dua sudut pandangan yang utama iaitu sudut pandangan pencerita pertama dan sudut pandangan pencerita ketiga dalam sudut pandangan pencerita pertama, pengarang terlibat sebagai salah seorang watak dalam cerita dengan menggunakan ganti nama diri “aku”. Sudut pandangan pencerita ketiga pula memperlihatkan kedudukan pengarang yang berada di luar cerita dan bertindak selaku pemerhati serba tahu terhadap keseluruhan perjalanan cerita tersebut.

A) Sudut pandang orang pertama

Sudut pandangan orang pertama akan menggunakan kata ganti nama “aku” atau “saya” atau “kami”. Apabila menggunakan sudut pandangan orang pertama akan kelihatan seperti seakan-akan menjadi salah satu watak dalam cerita yang sedang dibuat. Pembaca juga akan berasa ingin memainkan peranan dalam setiap cerita yang hendak diceritakan dalam karya. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*:

“Ada apa-apa lagi? Aku nak tidur. Pagi besok aku mesti bangun awal. Ada simposium di Hotel Renaissance.” Farisha menggenyeh mata.

(Dayang Noor, 2012: 13)

Berdasarkan petikan di atas, terdapat sudut pandang orang pertama iaitu “aku”. Aku nak tidur dulu sebab pada pagi esok kena bangun awal kerana ada simposium di Hotel Renaissance. Berikut merupakan maksud perbualan antara Farisha dan Shida. Farisha telah menggelarkan dirinya dengan kata ganti nama “aku”. Jelaslah di sini, penggunaan kata ganti nama tersebut akan menjadikan penulis seakan-akan menjadi watak dalam cerita tersebut. Oleh itu, sememangnya sudut pandang merupakan salah satu unsur intrinsik dalam novel *Di Sebalik Dinara* ini.

Seiring dengan pengaplikasian teori Strukturalisme, sudut pandang adalah aspek dalaman yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Terdapat sudut pandang orang pertama iaitu “aku”. Farisha menggelarkan dirinya “aku” ketika melakukan perbualan bersama Shida. Oleh itu, pengarang atau penulis akan merasakan dirinya sendiri yang menjadi watak dalam kejadian cerita tersebut sehingga penulis dapat menggambarkan melalui cerita tersebut. Jelaslah, teorin Strukturalisme ini mengetengahkan aspek dalaman sudut pandangan pertama dalam novel *Di Sebalik Dinara*.

B) Sudut pandang orang kedua

Kebiasaannya, dalam sesebuah karya sastera umumnya akan menggunakan jenis sudut pandang orang pertama dan ketiga. Sebenarnya, jenis sudut pandang kedua ini hanyalah gangguan sahaja. Perkara ini boleh dikatakan, sudut pandang orang kedua akan menggunakan gaya “kau” atau “kamu” atau sebagai variasi

cara melihat watak aku dan dia. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*:

“Inilah ruang untuk awak bekerja,” kata Aqram sebaik sahaja mereka memasuki sebuah bilik besar yang dilengkapi meja kerja, meja perbincangan, beberapa buah kerusi, sebuah meja kopi, sebuah televisyen dan sebuah sofa kulit.

(Dayang Noor, 2012: 67)

Berdasarkan petikan di atas, terdapat sudut pandang orang kedua iaitu menggunakan kata ganti nama “awak”. Aqram telah menggelarkan seseorang yang bersamanya itu menggunakan “awak”. Perkara ini adalah untuk melihat cara perhubungan antara watak aku dan dia. Pengarang telah menggunakan kata ganti nama “awak” dalam beberapa situasi yang berlaku dalam cerita tersebut.

Pengkaji juga menggunakan teori Strukturalisme dalam kajian ini. Teori ini adalah berkait dengan aspek dalaman yang terdapat dalam sesebuah novel. Berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara* terdapat sudut pandang orang kedua iaitu “awak”. Aqram telah menggelarkan orang yang bersamanya dengan kata ganti nama “awak”. Penggunaan sudut pandang orang kedua ini adalah untuk melihat cara perhubungan antara watak aku dan dia dalam sesebuah cerita. Oleh itu, jelaslah di sini, sudut pandang adalah salah satu aspek dalaman dalam sesebuah karya seperti novel.

C) Sudut pandang orang ketiga

Selain menggunakan sudut pandangan orang pertama dan kedua, pengarang juga boleh menggunakan sudut pandang orang ketiga dalam penulisan karyanya seperti novel. Sudut pandangan orang ketiga biasanya menggunakan kata ganti nama “dia”, “ia” atau “mereka”. Perbezaan antara

penggunaan sudut pandang orang pertama dan ketiga terletak pada kebebasan peranan dalam sesebuah cerita. Di mana sudut pandang orang pertama, pengarang boleh menjadi watak dirinya dan cerita tatapi perkara ini tidak berlaku untuk pandangan orang ketiga. Situasi ini dapat dilihat berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*:

Tepat pada pukul 2.55 petang Aqram muncul di hadapan Farisha. Hari ini dia mengenakan kemeja kapas warna kuning air, Farisha tersenyum senang melihat penampilannya. Pasti Aqram orang yang teliti.

(Dayang Noor, 2012: 67)

Berdasarkan petikan di atas, terdapat sudut pandang orang ketiga dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Pada pukul 2.55 petang, Aqram telah muncul di hadapan Farisha. Dia harini memakai kemeja kapas berwarna kuning air. Penampilan Aqram telah membuatkan Farisha tersenyu melihatnya. Maka, jelaslah di sini, pengarang telah menggunakan “dia” bagi menunjukkan diri orang lain. Sudut pandang orang ketiga pengarang tidak boleh menjadikan dirinya sebagai watak dalam sesebuah cerita yang dihasilkan.

Seiring dengan penggunaan teori Strukturalisme, sudut pandang merupakan aspek dalaman yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Sudut pandang orang ketiga telah digunakan oleh pengarang iaitu “dia”. Berdasarkan petikan yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*, Aqram telah muncul di hadapan Farisha pada pukul 2.55 petang. Dia harini memakai kemeja kapas berwarna kuning air. Farisha telah tersenyum melihat penampilan Aqram yang kemas. Oleh itu, jelaslah di sini, sudut pandang orang ketiga ini penting dalam penulisan karya supaya pembaca lebih memahami dan mengenali setiap watak yang digunakan oleh pengarang.

4.1.7 Amanat

Setiap karya yang dihasilkan sudah pasti tidak terlepas dari amanat yang terkandung dalam cerita tersebut. Amanat merupakan salah satu unsur intrinsik yang terdapat dalam karya seperti novel atau cerpen. Amanat ini adalah berupa satu pesanan moral yang disampaikan oleh penulis cerita atau karya yang ditujukan untuk pendengar, penonton mahupun pembaca. Amanat juga boleh diambil oleh pembaca setelah karya tersebut dibaca. Amanat atau pesan moral ini kebiasaannya tidak ditulis atau diterangkan secara langsung melainkan ianya tersirat. Namun, amanat boleh ditulis secara langsung oleh penulis atau pengarang secara tersurat. Pembaca akan menyimpulkan sendiri pesan moral yang boleh diambil dari novel tersebut sebagai tujuan untuk direnungkan atau diambil sebagai pengajaran.

Menurut Nurgiyantoro (2000: 322), amanat merupakan satu mesej berdasarkan pengetahuan pengarang tentang apa yang ingin disampaikan kepada orang lain melalui perantaraan cerita yang disampaikan atau apa yang ditulis. Melalui cerita, sikap dan tingkah laku watak itulah yang diharapkan pembaca dapat mengambil ikhtibar daripada mesej moral disampaikan dan dijadikan panduan hidup. Seterusnya, Koesasih (2017: 230) mentafsirkan amanat merupakan ajaran moral atau pesanan yang hendak disampaikan pengarang kepada pembaca melalui karyanya itu. Pesan ini adalah harapan, nasihat, kritik dan sebagainya.

A) Prihatin terhadap keselamatan ahli keluarga

Prihatin adalah mengambil berat atau perhatian terhadap sesuatu perkara sama ada bersama dengan ahli keluarga, jiran dan seluruh masyarakat yang berada di sekeliling. Dengan adanya sikap prihatin akan menimbulkan rasa mengambil berat dan kesungguhan untuk menunjukkan minat atau mengambil tahu tentang keadaan seseorang atau sesuatu yang berlaku. Perkara ini dapat dilihat melalui novel *Di Sebalik Dinara*:

“Retinal scanner, abang kau datang pasang pagi tadi,” jawab Shida sambil membuka jeriji dan pintu kayu jati.

(Dayang Noor. 2012: 10)

Berdasarkan petikan di atas, terdapat gambaran tentang amanat yang hendak disampaikan oleh pengarang. Abang Farisha iaitu Azraai telah menukar sistem kunci rumah adiknya Farisha kepada yang lebih canggih tanpa pengetahuannya. Farisha gagal membuka pintu rumahnya menggunakan kad pintarnya. Rupa-rupanya Azraai telah memasang “retinal scanner” berikutan pada minggu lepas terdapat kes pembunuhan yang berlaku berdekatan kawasan rumah Farisha. Oleh itu, pengarang telah memberikan amanat berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara* iaitu perlulah sentiasa prihatin terhadap keselamatan ahli keluarga.

Melalui pengaplikasian teori Strukturalisme, berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara* pengarang telah mengetengahkan aspek dalaman yang terdapat dalam karya. Terdapat amanat yang hendak disampaikan oleh pengarang iaitu perlu prihatin terhadap keselamatan ahli keluarga. Sebagai contoh, abang Farisha iaitu Azraai telah menukar sistem kunci rumah Farisha kepada “retinal scanner”. Perkara ini berikutan terdapat kes pembunuhan yang berlaku pada minggu lepas berdekatan dengan kawasan rumah Farisha. Oleh itu, jelaslah di sini terdapat

sikap prihatin yang cuba untuk diketengahkan orang pengarang sebagai amanat untuk sentiasa mengambi berat terhadap ahli keluarga. .

B) Memanfaatkan kebijaksanaan dengan baik

Umumnya kebijaksanaan adalah sebagai ketajaman akal budi, kecerdasan fikiran, ketelitian tindakan dan kemahiran dalam ilmu tertentu. Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001: 142) mentafsirkan kebijaksanaan ilmu yang memberitahu nazar akali diri yang mendapat tahu di mana letaknya tempat yang wajar, yang tepat menyelarasi sifat sesuatu, bagi tiap sesuatu termasuk diri yang mengetahui itu sendiri. Kebijaksanaan ini boleh dilihat berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*:

“Kalau abang kata begitu, baiklah. Saya akan terima tawaran ini,” kata Farisha menamatkan perbincangan semalam. Pagi tadi sebaik sahaja bangun dari tidur dia terus menghantarkan pesanan ringkas kepada Aqram tentang keputusannya.

(Dayang Noor, 2012: 61)

Berdasarkan petikan di atas, terdapat amanat yang ingin disampaikan dalam novel *Di Sebalik Dinara* oleh pengarang. Pengarang menyampaikan amanat supaya perlu memanfaatkan kebijaksanaan dengan baik. Farisha telah mengambil satu keputusan yang bijak apabila dia menerima tawaran projek yang ditawarkan kepada dirinya. Ilmu yang Farisha miliki dalam bidang sains dan teknologi dimanfaatkan dengan sebaiknya. Oleh itu, jelaslah di sini amanat yang hendak disampaikan oleh pengarang dapat dikesan oleh pembaca.

Melalui kajian ini, pengkaji juga mengaplikasikan dengan menggunakan teori Strukturalisme. Teori ini mengetengahkan aspek dalaman yang terdapat dalam sebuah karya atau genre. Berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara*, terdapat amanat yang ingin disampaikan oleh pengarang iaitu perlu memanfaatkan kebijaksanaan

dengan baik. Farisha telah membuat keputusan yang bijak apabila dia menerima tawaran projek yang ditawarkan kepadanya. Ilmu yang dimiliki dalam bidang sains dan teknologi telah dimanfaatkan dengan baik oleh dirinya. Jelaslah di sini bahawa, amanat merupakan salah satu aspek dalaman yang terdapat dalam karya *Di Sebalik Dinara*.

C) Memupuk sikap kerjasama dalam menjalankan tugas

Sikap bekerjasama membawa maksud bersama-sama dan tolong-menolong dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan. Walaupun sesuatu pekerjaan itu berat dan sukar, namun dengan sikap bekerjasama, pekerjaan tersebut akan menjadi ringan dan mencapai matlamat. Tanpa kerjasama dalam menjalankan sesuatu tugas, sesuatu pekerjaan akan menjadi sukar dan kurang memberi kepuasan dalam penghasilan kerja yang dilakukan. Sikap kerjasama ini dapat dilihat menerusi novel *Di Sebalik Dinara*:

“Saya akan terangkan serba sedikit tentang projek mini yang telah dimaklumkan oleh Aqram kepada kamu berdua.”

(Dayang Noor, 2012: 48)

Berdasarkan petikan di atas, menunjukkan terdapat amanat yang hendak disampaikan oleh pengarang iaitu perlulah memupuk sikap kerjasama dalam menjalankan tugas. Farisha dan Aqram akan bekerjasama menjalankan projek mini yang ditawarkan oleh Soft Lab. Projek yang hendak dijalankan oleh Farisha dan Aqram bernilai 1.5 juta. Jelaslah di sini, sikap kerjasama dalam menjalankan tugas ini penting supaya sesuatu pekerjaan tu berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat.

Seiring dengan pengaplikasian teori Strukturalisme, teori ini mengetengahkan aspek dalaman yang terdapat dalam sesuatu karya. Menerusi novel *Di Sebalik Dinara*, terdapat amanat yang ingin disampaikan oleh pengarang iaitu perlu memupuk sikap bekerjasama dalam menjalankan tugas. Farisha dan Aqram akan bekerjasama dalam menjalankan projek mini yang ditawarkan kepada mereka bernilai 1.5 juta. Oleh itu, jelaslah di sini pengarang berjaya untuk menyampaikan amanat menerusi karya tersebut supaya boleh dijadikan panduan kepada pembaca.

4.2 PENUTUP

Novel *Di Sebalik Dinara* dipilih adalah kerana pengkaji ingin memaparkan tema, plot, watak dan perwatakan, latar, gaya bahasa, sudut pandang dan amanat yang diperlukan untuk mewujudkan penghasilan karya sastera yang baik. Unsur-unsur intrinsik yang ditonjolkan merupakan aspek yang penting supaya pengarang tidak mengabaikan perkara tersebut. Teori Strukturalisme digunakan adalah untuk menunjukkan bahawa unsur-unsur intrinsik ini merupakan aspek dalaman yang perlu wujud dalam mana-mana karya sastera bertulis. Berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara* dapat dilihat bahawa pengarang menerapkan unsur-unsur intrinsik dengan baik dan tidak mengabaikan teori Strukturalisme dalam penghasilan karya novel tersebut.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini. Berdasarkan bab ini pengkaji akan menyimpulkan atau merumuskan segala dapatan kajian yang dijalankan. Melalui bab ini juga akan dikemukakan cadangan untuk mmbantu pengkaji lain meneruskan kajian ini di masa hadapan.

5.1 Rumusan

Kajian ini adalah tentang unsur intrinsik dalam novel *Di Sebalik Dinara* dengan mengaplikasikan teori Strukturalisme. Sastera ialah seni atau hasil karya yang mempunyai nilai yang tinggi. justeru itu, di dalam sebuah karya seharusnya memiliki unsur-unsur intrinsik tersendiri seperti yang terdapat dalam novel yang diteliti oleh pengkaji iaitu novel *Di Sebalik Dinara*. Unsur-unsur intrinsik tersebut sebagai elemen untuk membentuk keseluruhan sebuah karya supaya ia memberi manfaat kepada khalayak atau pembaca. Kajian ini berfokuskan kepada tujuh unsur-unsur intrinsik yang merangkumi tema, watak dan perwatakan, plot, latar, gaya bahasa, sudut pandang dan amanat. Melalui unsur-unsur intrinsik tersebut dapat disimpulkan bahawa pengarang yang menghasilkan karya novel tersebut sangat teliti atas setiap kandungan yang perlu ada dalam novel tersebut. Perkara ini telah memudahkan pengkaji untuk menganalisis unsur-unsur intrinsik yang terdapat dalam novel tersebut. Pemilihan tema juga sesuai dengan keseluruhan cerita yang hendak disampaikan.

Penggunaan teori Strukturalisme dalam karya sastera akan menghasilkan sebuah novel yang mempunyai kandungan dan rangka cerita yang lebih tersusun atau rapi. Strukturalisme sebagai panduan untuk mengenal pasti perkara dalaman yang terdapat dalam karya sastera. Karya sastera yang mendapat banyak perhatian untuk dianalisis dengan menggunakan teori Strukturalisme adalah berbentuk teks seperti novel, cerpen, cerita rakyat ataupun mitos. Novel *Di Sebalik Dinara* adalah salah satu karya sastera yang lain daripada yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan novel yang lebih dekat dengan pembaca atau khalayak adalah novel yang berkaitan dengan cinta tetapi novel *Di Sebalik Dinara* lebih tertumpu kepada teknologi dunia sains. Oleh itu, khalayak akan tertarik untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang jalan cerita dalam novel tersebut.

Secara keseluruhannya, jelaslah di sini teori Strukturalisme sesuai untuk diaplikasikan dalam membuat kajian kepada karya sastera yang berbentuk novel ini. Melalui pengaplikasian teori Strukturalisme ini telah memudahkan pengkaji untuk menganalisis unsur-unsur intrinsik yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Unsur-unsur intrinsik perlu digabungkan dengan baik supaya boleh membentuk sebuah jalan cerita yang menarik. Jalan cerita yang baik akan menarik perhatian khalayak atau pembaca untuk membaca dan memahami cerita daripada awal sehingga pengakhirannya. Berdasarkan novel *Di Sebalik Dinara* ini, dilihat pengkarya berjaya menerapkan unsur-unsur intrinsik yang baik dalam novel tersebut dan memenuhi kriteria yang ingin dikaji.

5.2 Cadangan

Setelah meneliti dan menganalisis kajian dengan lebih terperinci, pengkaji mendapati bahawa kajian ini telah memberikan kesedaran kepada pengarang berkenaan dengan unsur-unsur intrinsik dalam penghasilan sesebuah karya sastera. Pengarang perlu menerapkan teori Strukturalisme dalam karya sastera supaya dapat menarik lebih ramai masyarakat untuk membaca dan tertarik dengan setiap cerita yang dihasilkan oleh pengkarya.

Sastera dalam bentuk penulisan seperti novel ini adalah untuk menunjukkan bahawa unsur-unsur intrinsik perlu diaplikasikan dalam setiap penghasilan karya. Sekiranya unsur-unsur intrinsik tidak diterapkan pasti sukar untuk menghasilkan karya sastera yang berkualiti tinggi dan mempunyai nilai yang tersendiri. Unsur-unsur intrinsik ini adalah perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh pengarang mahupun penulis untuk menghasilkan sesebuah karya sastera. Oleh itu, genre kesusasteraan seperti novel ini wajar untuk dijadikan sebagai model dan rujukan dalam penerapan unsur-unsur intrinsik dalam karya seperti tema, plot, watak dan perwatakan, latar, gaya bahasa, sudut pandang dan amanat. Maka, karya novel yang dihasilkan mudah difahami kerana terdapat kandungan dalam cerita novel tersebut lengkap dan tersusun dan seterusnya menarik khalayak untuk membaca novel tersebut.

Seterusnya, pengkaji berpendapat bahawa unsur-unsur intrinsik ini perlu diperkenalkan kepada pengarang supaya penghasilan sesebuah karya mudah untuk dihasilkan. Pengarang perlu mengetahui setiap unsur-unsur intrinsik ini dan memahami setiap peranannya. Hal ini dikatakan demikian kerana, unsur-unsur tersebut merupakan perkara penting yang harus ada dalam karya sastera. Melalui unsur-unsur tersebut ia akan membantu pengarang untuk

mengembangkan penceritaan atau peristiwa-peristiwa yang ingin disampaikan dalam karya tersebut. Oleh itu, cerita dalam karya tersebut akan menjadi utuh dan terhasilnya sebuah karya sastera yang baik dan memberikan keyakinan masyarakat untuk membaca.

Selain itu, kefahaman tentang unsur-unsur intrinsik perlu dimasukkan dalam subjek pembelajaran di peringkat sekolah menengah lagi. Unsur-unsur intrinsik ini penting untuk diketahui oleh pelajar-pelajar sekolah dengan lebih mendalam. Umum mengetahui di peringkat sekolah juga, di dalam pembelajaran penggunaan teks novel ada digunakan untuk dikaji isi kandungan di dalamnya. Namun begitu, kandungan yang dikaji itu hanya sebahagian sahaja bukan secara keseluruhan cerita dalam novel tersebut. Oleh itu, dengan penerapan unsur-unsur intrinsik dalam pembelajaran, pelajar-pelajar boleh mengkaji unsur-unsur intrinsik yang merangkumi perkara dalaman yang terdapat dalam novel tersebut. Pelajar juga akan lebih memahami jalan cerita yang ingin disampaikan oleh pengarang daripada awal penceritaan sehingga pengakhiran cerita.

Di samping itu juga, penggalakkan pelajar membuat kajian tentang unsur-unsur intrinsik berdasarkan novel. Pensyarah perlu menggalakkan pelajar untuk membuat lebih banyak kajian berkenaan dengan unsur-unsur intrinsik yang terdapat dalam novel yang telah dihasilkan oleh penulis-penulis novel di Malaysia. Pengkaji mendapati kajian tentang unsur-unsur intrinsik ini sangat kurang dilakukan oleh pelajar-pelajar di universiti. Kebanyakan yang membuat kajian berkaitan dengan unsur-unsur intrinsik adalah pelajar-pelajar universiti di Indonesia. Oleh itu, maklumat-maklumat yang berkaitan sangat kurang diperolehi untuk dijadikan panduan atau rujukan oleh pelajar-pelajar dalam pembelajaran.

Maka, memang wajar penggalakan untuk pelajar membuat lebih banyak kajian tentang unsur-unsur intrinsik terutama pelajar-pelajar universiti.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.3 Penutup

Secara keseluruhannya, pengkaji berharap agar kajian ini mampu memberi manfaat kepada individu mahupun sesiapa sahaja yang terlibat dalam pembelajaran dan penyelidikan berkaitan dengan unsur-unsur intrinsik dengan mengaplikasikan teori Strukturalisme secara khasnya. Selain itu, pengkaji berharap semoga kajian ini mampu memberi kesedaran kepada banyak pihak tentang kepentingan unsur-unsur intrinsik dengan mengaplikasikan teori Strukturalisme berdasarkan karya sastera seperti novel. Melalui kajian ini banyak maklumat yang boleh dijadikan sebagai rujukan dan panduan untuk pengkaji-pengkaji lain yang membuat kajian berkaitan unsur-unsur intrinsik. Semoga kajian ini dilakukan secara berterus dan lebih ramai lagi pengkaji membuat analisis unsur-unsur intrinsik dengan mengaplikasikan teori strukturalisme. Kefahaman yang lebih dalam dan meluas mampu membantu untuk membentuk karya-karya sastera yang baik dan berkualiti.

RUJUKAN

- Abdul Mutalib (2022). "Analisis Antologi Puisi Pesan Tua Karya Hendra Djafar Menggunakan Teori Strukturalisme Semiotik" dalam *Media Pendidikan dan Sosial Kemasyarakatan*, 17(2), 159-165.
- Ahmad Mahdzan Ayob (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alfi Rohmatin (2019). *Unsur Intrinsik Dalam Novel Assalamualaikum Hawa Yang Tersembunyi karya Heri Satriawan dan Hubungannya Dengan Pembelajaran Bahasa Indonesia di SMA*. IKIP PGRI Bojonegoro: Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia.
- Aminuddin (2013). *Pengantar Apresiasi Karya Sastra*. Bandung: Sinar Baru Algensindo.
- Andi Permana, Lia Juwita & Ai Siti Zenab (2019). "Analisis Unsur Intrinsik Dalam Novel Menggapai Matahari Karya Dermawan Wibisono" dalam *Parole: Pendidikan Bahasa Sastra Dan Indonesia*, 2(1), 21-26.
- Emiya Hartanta Simarmata (2021). *Unsur Intrinsik Dalam Novel Laskar Pelangi Karya Andrea Hirata*. Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia, Universitas Sanata Dharma, Yongyakarta.
- Fauziyah Kurniawati & Muhammad Naufal Annabil (2021). "Alegori Kematian Dalam Puisi Jenazah Imra'ah Karya Adunis Kajian Strukturalisme Genetik" dalam *Humanika*, 28(2), 82-96.
- Ferdi Guhuhuku (2021). *Unsur Intrinsik Dalam Novel Pijaki Langit Mengetuk Pintu Surga Karya Novelyzius*. Universitas Sam Ratulangi, Fakultas Ilmu Budaya Manado.
- Harun Mat Piah (2003). *Sastra rakyat Malaysia, Indonesia, Negara Brunei Darussalam Suatu perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hashim Awang (1987). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Fajar Bakti. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hastuti et. al (2017). *Kajian Strukturalisme Genetik Novel Ayah karya Andrea Hirata*. Pendidikan Bahasa Indonesia. Universitas Bengkulu.
- Ismail Ahmad (1992). *Keterampilan Menulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Iwamoto, N. (1998). *Modality and point of view; A constrastive analysis of Japanese wartime and peacetime newspaper discourse*. Edinburgh: Working Paper in Applied Linguistics.

- Jyh Wee Sew (2016). "Analisis Kajian Sastera: Semiotik Dalam Novel Anwar Ridhwan" dalam *Akademika* 86(2), 53-63.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana (1983). *Esei dan Kritikan Drama*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maniyamin Haji Ibrahim (2006). *Gaya Bahasa Kiasan (Penggunaan dan Keberkesanannya Dalam Sajak)*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Melia Nuryanti & Teti Sobari (2019). *Analisis Kajian Psikologi Sastera Pada Novel Pulang Karya Leila. S. Chudori*. Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia: IKIP Siliwangi.
- Mohd Khairul Adenan et. al. (2018). "Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa Dalam Novel Sastera Indie Karya Azwar Kamaruzaman" dalam *Jurnal Kesidang*, 3(1).
- Newton, K.M. (1997). *Twentieth-Century Literary Theory*. London: Macmillan Press Limited.
- Norazila Buhari et. al. (2020). "Unsur Disfemisme: Ragam Bahasa Dalam Novel Kasyaf Ain" dalam *Jurnal Sains Insani*, 5(1), 169.
- Nurgiantoro, Burhan (2010). *Teori Pengkajian Fiksi*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- Nurnazirah Musa (2015). *Interprestasi Intrinsik Dalam Karya Catan Syed Ahmad Jamal*. Universiti Perguruan Sultan Idris, Malaysia.
- Perrine (1974). *Literature, Structure, Sound and Sense*. New York: Hourcourt Brace Jobanovich Incorporation.
- Rahman Fasieh et. al. (2019). Analisis Unsur-unsur Intrinsik Pada Kisah Nabi Yusuf A.s Dalam Al-Quran Melalui Pendekatan Kesusasteraan Moden. *Jurnal Al-Ibrah*, 8(1).
- Raihan Marzuki (2017). *Interprestasi Unsur Intrinsik Berdasarkan Nilai Murni Imam Al-Ghazali dalam Teks Kalilah Dimnah*. Universiti Putra Malaysia.
- Robson, C. (2011). *Real world research: A resource for users of social research methods in applied settings (3rd Ed.)*. West Sussex: John Wiley & Sons.
- Rosnani Md Zain, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018). Karisma Wanita Dalam Novel Nenek Karya Razali Endun. *Jurnal Sultan Alauddin Shah*, 5(1).

- Salleh, M. H. (1995). *Beyond The Archipelago: Selected Poems (Vol. 93)*. Ohio: Ohio University Press.
- Short. (1996). *Exploring The Language Of Poems, Plays And Prose*. London: Longman.
- Siti Aishah Mat Ali (1991). Analisis isi cerita-cerita Tarik Selampit di Kelantan: "Cerita Selampit", "Cerita Si Gembang" dan "Cerita Raja Dera." dalam Mohd. Taib Osman (Peny.). *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*, (hlm. 94 - 106). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Siti Farida Salleh et. al. (2020). "Analisis Semantik Leksikal Dalam Novel Sangkar Karya Samsiah Mohd. Nor" dalam *Asian People Journal*, 3(1), 45-63.
- Siti Hajar Hj. Abdul Aziz & Kamarudin Hj. Husin. (1999). *Pengkajian Melayu 3: Komunikasi Bahasa*. Kuala Lumpur: Budiman.
- Siti Halissa Muhammad Jamil (2019). *Susun Atur Kepengarangan A Aziz Deraman Dalam Puisi Terpilih Gelora Nurani Menggunakan Pendekatan Strukturalisme*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Siti Noor Asyikin Ishak (2022). Analisis Elemen Sastera Dalam Pementasan Teater Terpilih Melalui Penerapan Teori Strukturalisme. Universiti Malaysia Kelantan.
- Srikandi Saemah Samaon & Mary Fatimah Relevan (2020). "Perwatakan Dalam Novel Komsas Di Sebalik Dinara: Analisis Teori Relevan" dalam *Asian People Journal*, 3(1), 84-100.
- Tarigan, Henry Guntur (1985). *Pengkajian Gaya Bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Tarigan, Henry Guntur (2011). *Prinsip-prinsip Dasar Sastra*. Bandung: Angkasa Thahar.
- W. S. Johnson & M.K. Danziger. (1983). *Pengenalan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Yeli Janianti Suhensi, Teti Sobari & Enung Nurhayati (2020). *Analisis Unsur Intrinsik Novel Si Camar Jonathan Livingston Karya Richard Bach*. Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia: IKIP Siliwangi Bandung.